

## UCAPAN ALUAN NAIB CANSOLOR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Saya dan juga seluruh warga Universiti Utara Malaysia (UUM), mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada saudara dan saudari kerana setelah sekian lama menempuh alam persekolahan akhirnya berjaya menjejak kaki ke menara gading. Kita sedia maklum bahawa 'Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang'. Pasti kejayaan yang diperoleh ini hasil daripada ketekunan saudara dan saudari dalam pencarian ilmu dan kemampuan menangani pelbagai cabaran. Di samping itu, sokongan dan sumbangan yang begitu bermakna daripada ahli keluarga, para guru dan

juga pelbagai pemegang taruh yang lain turut memainkan peranan yang penting dalam kehidupan saudara dan saudari, dan jasa mereka perlulah dihargai dengan sewajarnya.

Saudara dan saudari amat bertuah kerana menjadi warga sebuah universiti awam yang terus melakar sejarah. Terkini UUM tersenarai di kedudukan ke-200+ dalam edisi pertama Times Higher Education Asia-Pacific University Rankings 2017. Penyenaraian dalam ranking ini meletakkan UUM setaraf dengan universiti terkemuka lain seperti Sophia University Japan, University of Seoul, Kansai University Japan, Meiji University, University of Philippines dan University of Indonesia.

Pelbagai pengiktirafan dan akreditasi yang diterima oleh UUM tentunya memberi nilai tambah kepada saudara dan saudari. Oleh itu, diharap saudara dan saudari memandang serius terhadap amanah yang digalas kini. Sebagai mahasiswa, manfaatkan segala peluang dan ruang yang ada dengan sebaik mungkin untuk memupuk dan membina diri sebagai pemimpin yang berperwatakan holistik.

Pihak UUM akan memberi sokongan yang padu dengan memastikan kursus-kursus yang ditawarkan mengambil kira setiap perubahan dan keperluan semasa pasaran kerja negara di samping berusaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa. Begitu juga teknologi terkini yang disediakan berupaya mentransformasi kaedah pembelajaran dan pengajaran di UUM agar pengguna mudah menggapai segala ilmu pengetahuan dengan cepat dan fleksibel tanpa dihadkan oleh ruang dan waktu. Selain itu, sesi perkongsian ilmu dengan pihak industri dalam program-program anjuran universiti dan penempatan industri akan disusun dengan baik agar saudara dan saudari didedahkan dengan pengalaman yang diperlukan.

Akhir kalam, saya mendoakan agar saudara dan saudari maju jaya sebagai mahasiswa dan seterusnya sebagai graduan Universiti Pengurusan yang terkemuka yang berpotensi menyumbang kembali kepada tanah air yang kita cintai ini. Nyalakan tekad untuk berjaya dari saat ini.

**ILMU BUDI BAKTI**

**PROFESOR DATO' DR. AHMAD BASHAWIR HJ. ABDUL GHANI**

**Naib Canselor**

**Universiti Utara Malaysia**

## **UCAPAN ALUAN PENGARAH PUSAT PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN LANJUTAN (PACE), UUM**



Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pelajar baru yang mendaftar sebagai pelajar Universiti Utara Malaysia. Bersyukur kita dengan limpah kurnianya Buku Panduan Akademik Semester Oktober sesi 2020/2021 bagi Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) UUM ini dapat disempurnakan.

Buku Panduan Akademik berkenaan Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) ini diterbitkan oleh Pusat Pendidikan Profesional Dan Lanjutan (PACE) bagi merealisasikan visi Universiti Utara Malaysia untuk menjadi sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka dan misi untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perundingan yang terkemuka.

Matlamat utama buku ini adalah untuk menjadikannya sebagai panduan dan rujukan sepanjang tempoh pengajian sehingga bergraduasi serta untuk memastikan segala maklumat yang berkaitan dengan program tersebut dapat difahami dengan sebaiknya oleh semua pelajar PJJ.

Harapan PACE dengan adanya buku ini, maka segala kekeliruan berkaitan dengan program PJJ dapat dijelaskan dan disampaikan dengan baik dan berkesan. PACE bertekad, beriltizam dan penuh komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pihak yang terlibat. PACE sentiasa mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada para pelajar.

Selamat Maju Jaya.

**Prof. Madya Dr. Halim Bin Mad Lazim**

Pengarah,  
Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE),  
Universiti Utara Malaysia

## **UUM LEBIH TIGA DEKAD DI ALAM PENDIDIKAN NEGARA**

Apabila desas-desus penubuhan sebuah universiti mula kedengaran lebih-lebih lagi setelah Tun Daim Zainuddin mengisytiharkan sebuah universiti akan dibina di Kedah, respons orang ramai sememangnya amat memberangsangkan. Sehingga Julai 1983, hanya ada lima buah universiti di negara ini yang sudah semestinya tidak dapat menampung peningkatan keperluan pendidikan negara. Sehubungan itu, Perdana Menteri ketika itu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, mengarahkan Kementerian Pelajaran supaya menjalankan kajian terhadap projek Universiti Keenam itu dengan menyediakan satu kertas kerja secara komprehensif pada 16 Ogos 1983. Selain itu juga, Dr. Mahathir berharap dengan menempatkan universiti di Lembah Sintok yang satu ketika dahulu dikenali sebagai sarang penganas akan berubah wajah menjadi pusat pertumbuhan yang dinamik. Beliau melihat Sintok yang asalnya kawasan hitam berpotensi sebagai wilayah penyebaran ilmu dan mampu disinergikan kepada sebuah lembah ilmu yang dapat membina masa depan kecemerlangan anak-anak bangsa. Maka idealisme penubuhan Universiti Utara Malaysia (UUM) tercetus.

Mulai tanggal 1 Oktober 1983, sebuah badan petugas telah dibentuk bagi mengendalikan urusan penubuhan universiti keenam negara ini. Encik Abdul Hamid Ayob, Pengarah Pelajaran Kedah telah dilantik sebagai Penyelaras Projek dan dibantu oleh empat orang pegawai dari Kementerian Pelajaran. Badan khas ini berpejabat di Kuala Lumpur dan menjalankan tugas di Alor Setar serta Kuala Lumpur dari Oktober 1983 hingga Februari 1984. Yang Berhormat Dato' Khalil Yaakub, Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan telah ditugaskan berunding dengan Kerajaan Negeri Kedah mengenai lokasi tapak kampus sementara UUM. Pada 16 Oktober 1983 Jemaah Menteri meluluskan projek ini dan menetapkan supaya tawaran membina kampus sementara diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

Akhirnya pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang ketika itu dinamakan "Projek Universiti Keenam" di Kedah. Pada 11 Januari 1984 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menandatangani perintah Universiti Utara Malaysia (Perbadanan 1984 atau Perintah Perbadanan) dan juga perintah Universiti Utara Malaysia (Kampus 1984 atau Perintah Kampus). Beberapa bulan kemudian, pejabat sementara Universiti Keenam yang diberi nama Universiti Utara Malaysia ini dibuka secara rasminya pada 15 Februari 1984 di Jitra.

UUM diwartakan pada 16 Februari 1984 yang menjadi satu-satunya universiti yang mengkhusus dalam bidang pengurusan. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh, tokoh akademik berkaliiber dan sasterawan, diberi penghormatan untuk menjadi Naib Canselor universiti keenam negara yang pertama ini. Pada 7 April 1984 Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah telah dilantik menjadi Canselor UUM yang pertama.

UUM mula beroperasi di bangunan UMNO dalam pekan Jitra, Kedah. Di bangunan inilah Tan Sri Awang Had Salleh membuat perancangan pentadbirannya yang awal. Empat bulan kemudian, UUM berpindah ke kampusnya yang pertama – Kampus Darul Aman yang juga terletak di Jitra – pada bulan Jun 1984 apabila fasa pertama projek berkenaan siap. Perpindahan itu dilakukan bagi menyambut ketibaan sekumpulan pelajar sulung universiti menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984.

Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darulaman, iaitu 18 km ke utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra. Sementara itu, perancangan untuk membina sebuah kampus tetap sudah pun bermula. Kampus tetap UUM bakal dibina di atas satu kawasan seluas 1,061 hektar dalam Daerah Kubang Pasu yang terletak 28 km ke utara kampus sementara, iaitu di Sintok.

Apabila Sintok diwartakan sebagai kawasan putih pada Disember 1988, pembinaan kampus tetap UUM bermula. Perdana Menteri telah memberikan tempoh masa 18 bulan untuk menyiapkan Kampus Sintok yang bermakna pembinaan harus siap menjelang Julai 1990 apabila sesi pengajian baharu akan bermula. Genap 18 bulan, Dr. Mahathir sendiri membuat lawatan ke kampus Sintok untuk melihat perkembangan pembinaan kampus berharga RM580 juta ini. Disebabkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan termasuk mendapatkan pekerja binaan yang mencukupi, UUM hanya mampu memulakan operasinya di Kampus Sintok dua bulan kemudian, iaitu pada 15 September 1990 apabila pelajar-pelajar baru sesi 1990/91 mendaftar disusuli dengan kemasukan pelajar senior seminggu kemudian untuk memulakan pengajian.

Kampus tetap ini merupakan bekas lombong bijih timah dengan dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika dan bukit-bukau. Jarak kampus UUM yang baru ialah 48 km di utara Alor Setar dan 10 km di timur Changlun, sebuah pekan kecil berdekatan dengan sempadan Malaysia-Thai di Lebuhraya Utara-Selatan. Di dalam kampus itu juga terdapat dua batang sungai yang mengalir di tengah-tengahnya iaitu Sungai Sintok dan Sungai Badak.

Kampus Sintok telah dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Canselor pada 17 Februari 2004. Bangunan-bangunan utama yang terdapat di kampus ini ialah Bangunan Akademik, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Bangunan Pentadbiran Canselori, Masjid Sultan Badlishah, Dewan Mu'adzam Shah, Dewan Tan Sri Othman, Kompleks Sukan, Varsity Mall, Bangunan Budi Siswa dan Kompleks Konvensyen.

Selain daripada bangunan-bangunan utama berkenaan, Universiti turut mempunyai dua mercu tanda baharu yang menjadi kebanggaan warga kampus. Mercu tanda berkenaan ialah *Welcome Centre* atau Anjung Tamu yang menjadi tempat hentian setempat bagi para pelawat untuk memperoleh maklumat umum tentang Universiti dari sejarah kewujudan sehinggalah perkembangan yang berlaku. *Time Circle* atau Bulatan Masa yang terletak di bulatan masuk Universiti adalah mercu tanda terbaharu yang berdiri gagah hadapan pintu masuk utama sebagai lambang mengalu-alukan kehadiran warga Universiti dan para pengunjung.

Sebagai kampus yang terletak jauh dari hiruk-pikuk bandar, UUM menyediakan kemudahan penginapan dalam kampus kepada para pelajarnya. Universiti ini mempunyai 15 buah Inapan Siswa (INASIS) yang boleh menampung kira-kira 20,000 orang pelajar. INASIS tersebut ialah MAS, TNB, Tradewinds, Petronas, GRANTT, MISC, Sime Darby, BSN, TM, Proton, Maybank, Yayasan Albukhary, Bank Muamalat, Bank Rakyat dan SME Bank.

Selain itu juga, UUM turut menyediakan tempat penginapan lain dalam kampus seperti University Inn di samping INASIS yang boleh disewa pada masa cuti semester. Di samping itu, EDC Hotel & Resorts yang terletak berhampiran pintu masuk utama kampus ini turut tersergam bagi menawarkan kemudahan penginapan bertaraf hotel bagi sesiapa yang inginkan keselesaan.

Seluas 107 hektar kawasan hutan UUM telah dimajukan sebagai satu daripada daya tarikan pelancong untuk wilayah Utara seperti kemudahan kawasan perkemahan, perkhemahan, padang golf 18 - lubang, litar go-kart, lapang sasaran menembak dan memanah, taman rusa, kolam itik, kolam memancing dan tapak equestrian. UUM turut menjadikan kampusnya sebagai sebuah kampus terbuka. Orang ramai dan para pelancong boleh berkunjung dan menggunakan pelbagai kemudahan yang ada.

Selain itu juga, mulai Mei 2016 Universiti ini turut memperkenalkan aktiviti *punting* di Sungai Sintok bagi memberi peluang orang ramai menikmati pemandangan di sepanjang sungai berkenaan. Sebagai sebuah Universiti yang dikelilingi khazanah alam semula jadi, konsep pelancongan berpendidikan (*edutourism*) turut diperkenalkan bagi mempelawa orang ramai untuk menerokai flora dan fauna yang ada di sekeliling kampus ini.

Sejak penubuhannya, UUM boleh berbangga kerana telah memperoleh pelbagai pengiktirafan daripada badan akreditasi antarabangsa seperti AMBA (Association of MBA's) yang berpangkalan di London dan ABEST21 (THE ALLIANCE ON BUSINESS EDUCATION AND SCHOLARSHIP FOR TOMORROW, a 21st century organization) yang berpangkalan di Tokyo, Jepun. Selain itu, UUM turut menerima status autonomi, Top Business School, Islamic Finance Awards (GIFA), AUN-QA, Setara Tier 5 dan pelbagai pengiktirafan lain. Pembangunan yang dikecapi masyarakat sekeliling hasil daripada penubuhan universiti ini sememangnya tidak akan tercapai dek akal sekiranya Dr. Mahathir tidak berpandangan jauh untuk menjadikan sebuah kawasan yang terpencil muncul dalam peta dunia. Kehadiran universiti ini juga memeriahkan pembangunan pendidikan negara apabila ramai modal insan dapat dihasilkan khususnya yang menjurus dalam bidang pengurusan.

Perjalanan universiti ini sememangnya masih jauh kerana banyak lagi perkara yang belum dicapai. Namun, dengan semangat kerjasama yang ditunjukkan setiap warganya tidak mustahil UUM akan dilihat dan diakui sebagai "Sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka" suatu hari nanti dan kenyataan ini sudah tentu tidak dapat disangkal oleh sesiapa ketika itu.

## **OBJEKTIF UNIVERSITI**

Universiti Utara Malaysia ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan. Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insuran, teknologi media, perniagaan tani, matematik perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

Universiti Utara Malaysia juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di Universiti menjadi penggerak kepada kegiatan sosioekonomi yang lain.

Di samping pengajaran dan penyelidikan, Universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan ini. Universiti memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara

sendiri mahu pun dengan kerjasama badan kerajaan dan sektor swasta. Universiti ini sedang bergerak ke arah matlamat tersebut.

Objektif ini dapat dirumuskan kepada tiga perkara seperti berikut:

- Untuk berperanan sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan.
- Untuk menjadi pusat rujukan dalam semua aspek pengurusan.
- Untuk menjadi pusat sumber yang terulung dalam bidang pengurusan.

## **VISI**

Menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka

## **MISI**

Kami mendidik pemimpin berperwatakan holistik untuk berbakti kepada komuniti global

## **PIAGAM PELANGGAN**

Dalam merealisasikan wawasan untuk menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai Universiti Pengurusan yang terulung dan cemerlang selaras dengan moto Universiti "ILMU, BUDI, BAKTI", dengan izin Allah SWT maka kami dengan penuh tekad dan iltizam berjanji menyempurnakan hak-hak pelanggan kami seperti berikut:

### **Kepada Pelajar**

Menyediakan pendidikan, kemudahan pendidikan dan sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan piawaian-piawaian yang ditetapkan.

### **Kepada Staf**

Menyediakan calon pelajar yang berkemampuan.

Menyediakan kemudahan terbaik bagi melicinkan proses kerja, ganjaran yang sesuai dan peluang pengembangan ilmu yang adil dan saksama ke arah pembangunan dan kemajuan kakitangan.

### **Kepada Negara**

Menyediakan bakal tenaga kerja untuk memenuhi keperluan negara.

Menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkembangan dan kemajuan ilmu.

## **FALSAFAH UNIVERSITI**

Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya;

Menginsafi bahawa Malaysia diberkati dengan kelayakan kedua-dua sumber penting, iaitu sumber manusia dan sumber alam;

Menyedari bahawa kedua-dua sumber itu mesti digembleng dengan sebaik-baik cara dan seberkesan mungkin; dan bahawa kunci kepada kejayaan ialah perancangan pengurusan, pengesanan, penilaian kembali, penganutan ilmu, sains dan teknologi;

Meyakini bahawa manusia tidak dapat hidup dengan kemajuan kebendaan semata-mata, tanpa perikemanusiaan, peradaban dan keimanan, manakala sumber alam pula tidak boleh dibiarkan dieksploitasi sehingga mengancam peradaban manusia itu sendiri;

Maka,

Universiti Utara Malaysia mendedikasikan dirinya kepada matlamat melahirkan lulusan yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan tinggi dalam perancangan dan pengurusan sumber manusia dan sumber alam secara saintifik dan kreatif demi kesejahteraan bangsa, kesentosaan negara serta kedamaian dunia seluruhnya.

Azam Universiti ialah membina kecemerlangan prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat, khususnya dalam usaha gembelangan sumber manusia dan sumber alam secara yang berkesan. Azam Universiti adalah untuk membina sahsiah bakal lulusannya supaya seimbang antara keilmuan, kebudimanan dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni.

Ke arah itu, Universiti akan membudayakan dirinya, sekalian pelajar dan kakitangannya sejajar dengan mottonya, **"ILMU, BUDI, BAKTI"**.

## **PELAN STRATEGIK UUM**

Setelah Pelan Strategik Fasa I: 2011-2015 tamat, UUM kini mengukuhkan kedudukan untuk mencapai visi menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka melalui empat teras yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Fasa II: 2016-2020. Empat teras tersebut ialah:

1. Mempertingkatkan kesarjanaan dan pengantarabangsaan.
2. Pembangunan modal insan dan pengurusan bakat.
3. Membangun mahasiswa secara holistik.
4. Menjana kekayaan.



## **DASAR Q**

Kami warga Universiti Utara Malaysia bertekad dan beriltizam untuk membudayakan kualiti dengan memberikan perkhidmatan yang menepati kehendak pelanggan dan pemegang taruh. Kami secara berterusan sentiasa menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan kualiti yang unggul berlandaskan piawaian yang ditetapkan ke arah melahirkan sumber tenaga manusia yang menjadikan "Ilmu, Budi, Bakti" sebagai nilai hidup.

## **SLOGAN Q**

Membudayakan kualiti ke arah melahirkan tenaga sumber manusia yang menjadikan "Ilmu, Budi, Bakti" sebagai nilai hidup.

## **STATUS MSC**

Universiti Utara Malaysia telah berjaya memperoleh Status MSC pada 22 April 1999. Kini, program pengajian yang memperoleh status tersebut ialah:

- Ijazah Sarjana Muda Multimedia dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Sains Pemutusan dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dengan Pendidikan (Teknologi Maklumat) dengan Kepujian

## **STATUS MS ISO 9001:2008**

UUM telah memperolehi pensijilan MS ISO 9002:1994 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 13 Disember 2001 merangkumi skop peruntukan pengajian tinggi, penyelidikan, perundingan dan penerbitan.

Pada tahun 2003, UUM telah berjaya melaksanakan proses peralihan sistem dari MS ISO 9002:1994 kepada MS ISO 9001:2000. Hasil dari pengauditan pihak SIRIM pada 7 hingga 9 Disember 2009, UUM sekali lagi berjaya memperoleh MS ISO 9001:2008 pada 11 Februari 2010 dengan skop pensijilan berikut:

- i. Pembangunan dan rekabentuk program pendidikan sarjana muda.
- ii. Peruntukan perkhidmatan pendidikan untuk pelajar sarjana muda.
- iii. Peruntukan penyelidikan, perundingan, penerbitan, perkhidmatan perpustakaan dan lain-lain perkhidmatan sokongan.

## LOGO UNIVERSITI

### REKA BENTUK




Logo universiti berbentuk perisai seakan-akan mata pena. Di dalam perisai itu terdapat garis-garis lengkung dan tegak. Di tengah-tengah perisai, terdapat enam biji padi masak. Warna tanah perisai itu ialah biru tua. Warna garis lengkung dan garis tengah ialah putih. Jika logo di bendera, warna tanah di luar perisai ialah biru muda.

### Tafsiran



**Pertama:** Bentuk perisai seakan-akan mata pena melambangkan bahawa Universiti Utara Malaysia adalah sebuah institusi pendidikan dan keilmuan. Mata pena juga melambangkan aspek keilmuan yang proaktif. Universiti tidak sekadar mengembangkan ilmu tetapi menyebarkan ilmu menerusi pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penulisan.




**Kedua:** Garisan-garisan putih melambangkan nama universiti. Garisan lengkung di bawah sekali ialah 'U' bermaksud Universiti. Garisan lengkung di atasnya juga berbentuk 'U' bermaksud Utara. Garisan tegak di tengah-tengah di bahagian atas yang diapit oleh dua garisan lengkung di kiri kanannya adalah bentuk 'M' bermaksud Malaysia. Oleh itu, garisan-garisan dalam logo ini melambangkan singkatan nama Universiti Utara Malaysia iaitu UUM.




**Ketiga:** Di dalam logo itu sendiri terkandung erti moto universiti iaitu "ILMU, BUDI, BAKTI". Kedua-dua garisan lengkung di bahagian bawah perisai melambangkan lembaran kertas yang membawa erti keilmuan. Enam bulatan bujur berwarna kuning di tengah perisai ialah lambang padi masak yang membawa erti budi atau kebudimanan seperti yang digambarkan oleh pepatah Melayu "Ikut resmi padi, semakin berisi semakin tunduk"

(semakin berilmu semakin merendahkan diri). Ketiga-tiga garis di bahagian atas perisai melambangkan usaha bersama dan berseorangan untuk berbakti kepada agama, bangsa, masyarakat dan negara.



**Keempat:** Tiga garisan bujur yang mengelilingi logo melambangkan nilai-nilai murni yang mengawal dan menjadi amalan warga universiti.



**Kelima:** Warna kuning yang mengelilingi logo dan garisan kuning yang mengelilingi perisai melambangkan kesetiaan warga universiti kepada Raja dan Negara.



**Keenam:** Warna putih di dalam logo dan yang mengelilingi perisai bermaksud pengurusan yang bersih, cekap dan amanah.




**Ketujuh:** Warna biru di logo bermaksud perpaduan dikalangan warga universiti.



**Kelapan:** Lima garisan putih di dalam logo pula melambangkan Rukun Islam.



**Kesembilan:** Selain melambangkan keluhuran budi, enam bulatan bujur berwarna kuning di tengah perisai juga melambangkan Rukun Iman.



**Kesepuluh:** Kedua-dua titik biru melambangkan kecemerlangan dan keunggulan universiti sebagai universiti pengurusan.

## COKMAR UNIVERSITI

Cokmar ini telah diserahkan oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Universiti melalui Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, Johor pada 14 Julai 1988.

### Konsep

Reka bentuk yang ringkas melambangkan kecergasan dan kedinamikan melaksanakan aktiviti-aktiviti Universiti Utara Malaysia.

### Rasional

Cokmar Universiti Utara Malaysia terdiri daripada lima bahagian:



**Bahagian pertama** yang bersegi-segi dibahagikan kepada lima permukaan yang rata. Lima bahagian ini melambangkan **Keislaman** dan **Rukun Negara Malaysia** berbentuk obor yang sentiasa beryala untuk melambangkan **kehidupan**. Pada permukaan yang rata, diukir motif-motif:

-  Lambang Kerajaan Malaysia
-  Lambang Universiti Utara Malaysia
-  Bunga Kebangsaan Malaysia
-  Khat Nama Universiti
-  Obor Lambang Keilmuan

**Bahagian kedua** berbentuk mangkuk yang permukaannya dihiasi dengan bunga padi untuk melambangkan kebudiman. Di bahagian atas mangkuk itu terdapat tiga helai bulu ayam yang melambangkan pena keilmuan. Mangkuk itu dihiasi sekelilingnya dengan permata nilam yang berwarna kebiruan seperti yang terdapat pada logo UUM.

**Bahagian ketiga** melambangkan tongkat kuasa yang bersifat kukuh dan menjadi asas kekukuhan perkembangan ilmu pengetahuan.

**Bahagian keempat** di hujung tongkat itu, terdapat tiga bilah keris jenis Jawa Demam tersusun dalam bentuk tiga segi. Hujungnya tertumpu ke satu arah untuk melambangkan ketepatan dalam menghadapi sesuatu tujuan.

**Bahagian kelima** iaitu satu separa bebola yang melambangkan matlamat dan di bahagian permukaannya, dihias dengan motif-motif Melayu.

## **PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI**

### **CANSELOR**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah  
DK., DKH., DUK., DK. (KELANTAN)., DK. (JOHOR)., DMK., SMDK., SHMS., SGMK., SPMK., SSDK.  
Sultan Negeri Kedah Darul Aman

### **PRO-CANSELOR**

Duli Yang Teramat Mulia  
Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin  
DMK., DSDK  
Raja Muda Kedah

Yang Teramat Mulia  
Dato' Seri Diraja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Almarhum Sultan Abdul Halim  
Mu'adzam Shah  
DKH., DKYR., SHMS., SSDK., PSM., PAT., JP., Hon. Ph.D (UUM)., Hon. Ph.D (KUIN).  
Tunku Temenggong Kedah

Yang Amat Berbahagia  
Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim

---

## **LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)**

### **Pengerusi**

Tan Sri Datuk Wira Dr Hj. Mohd Shukor Bin Hj. Mahfar

### **Ahli-Ahli**

Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff  
Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Hj. Abdul Ghani  
Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim  
En. Khairul Azwan Harun  
Pn. Nor Eni Ismail  
Dato' Muzammil Bin Mohamad  
Dato' Wan Shaharuddin Wan Mahmood  
Prof Dr. Mohd Zaini Abd Karim  
Datuk Bazlan Osman

### **Setiausaha**

En. Baharudin bin Yaacob

## **JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI (JPU)**

### **Pengerusi**

#### **Naib Canselor**

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Hj. Abdul Ghani

### **Ahli-Ahli**

#### **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim

#### **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

Prof. Madya Dr Hendrik Lamsali

#### **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**

Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

#### **Penolong Naib Canselor UUM College of Business (UUM COB)**

Prof. Dr. Salniza Md Salleh

#### **Penolong Naib Canselor UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS)**

Prof. Dr. Huda Hj. Ibrahim

#### **Penolong Naib Canselor UUM College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS)**

Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman

#### **Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan**

Prof Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

#### **Pengarah UUM Kampus Kuala Lumpur**

Prof. Dr. Shahimi Mohtar

### **Pendaftar**

Tuan Haji Baharudin Yaacob

### **Timb pendaftar**

En Ahmad Rosidi Abdullah

### **Pemangku Bendahari**

Puan Elyani Ahmad

### **Ketua Pustakawan**

Encik Salleh Hudin Mustaffa

### **Penasihat Undang-undang**

Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

### **Setiausaha**

Encik Mohd Zamri Ahmad

## **PEGAWAI-PEGAWAI UNIVERSITI**

### **Naib Canselor**

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Hj. Abdul Ghani

### **Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim

### **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**

Prof. Madya Dr Hendrik Lamsali

### **Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**

Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

### **Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan**

Prof Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

### **Pendaftar**

Tuan Haji Baharudin Yaacob

### **Pemangku Bendahari**

Puan Elyani Ahmad

### **Ketua Pustakawan**

Encik Salleh Hudin Mustaffa

---

## **UUM COLLEGE OF BUSINESS (UUM COB)**

### **Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan**

Prof. Dr. Salniza Md Salleh

### **Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB)**

Prof. Dr. Shahizan Hassan

### **Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan**

Prof. Dr. Russayani Ismail

### **Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz**

Prof. Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin

### **Dekan Pusat Pengajian Perniagaan Islam**

Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md Hussain

### **Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik**

Prof. Dr. Nor Hasni Osman

## **UUM COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES (UUM CAS)**

### **Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran**

Prof. Dr. Huda Haji Ibrahim

### **Dekan Awang Had Salleh Graduate School Of Art And Sciences**

Prof Madya Dr. Hisham Dzakiria

### **Dekan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif**

Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi

### **Dekan Pusat Pengajian Pendidikan & Bahasa Moden**

Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim

### **Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi**

Prof. Madya Ts. Dr. Sobihatun Nur Abdul Salam

### **Dekan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar Dan Kerja Sosial**

Prof Madya Dr. Abdul Razak Abd Manaf

### **Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah**

Prof. Dr. Shukri Ahmad

### **Dekan Pengajian Pengurusan Industry Kreatif dan Seni Persembahan**

Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin

---

## **UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES (UUM COLGIS)**

### **Penolong Naib Canselor / Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa**

Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman

### **Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government**

Prof. Madya Dr. Rusdi Omar

### **Dekan Pusat Pengajian Kerajaan**

Prof. Madya Dr. Zainal Md. Zan

### **Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar**

Dr. Johan Afendi Ibrahim

### **Dekan Pusat Pengajian Undang-undang**

Prof Madya Dr. Rohana Abdul Rahman



## **PUSAT PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN LANJUTAN (PACE)**

### **PENGENALAN**

PACE ditubuhkan pada 1 April 1999 bagi menyediakan peluang kepada masyarakat untuk meningkatkan taraf pendidikan dan mencapai tahap kelululusan yang lebih tinggi. PACE mempunyai empat (3) unit utama iaitu:

- Program Pendidikan Jarak Jauh
- Program Kerjasama Bekembar
- Program Antarabangsa & Eksekutif

### **MISI**

Melahirkan modal insan yang inovatif menerusi program pendidikan berterusan yang berkualiti.

### **VISI**

Menjadi pusat pengurusan pendidikan berterusan terkemuka.

### **OBJEKTIF PACE**

- Mewujudkan sistem pembelajaran yang lebih komprehensif.
- Memastikan prasarana pembelajaran mengikut akreditasi yang ditetapkan.
- Memastikan pensyarah memenuhi kelayakan yang setaraf.
- Melahirkan pelajar yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran.
- Meningkatkan bilangan jaringan institusi dalam dan luar negara yang memenuhi syarat akreditasi yang ditetapkan.
- Memastikan peningkatan pendapatan.

### **PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN**

- Program Pendidikan Jarak Jauh
- Program Kerjasama Bekembar
- Program APEL (pengakreditan pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu)

Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) Universiti Utara Malaysia yang ditawarkan sehingga kini adalah:

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian [BBA(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian [BPM(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian [BComm(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepujian [BIFB(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif dengan Kepujian [BCIM(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian [BMA(Hons)], minor Pendidikan Islam

## **PUSAT PEMBELAJARAN PJJ**

- Kampus UUM, Sintok, Kedah
- Pusat Pembelajaran Langkawi, Kedah
- Pusat Pembelajaran Kuala Lumpur
- Pusat Pembelajaran Ipoh, Perak
- Pusat Pembelajaran Melaka
- Pusat Pembelajaran Kota Bharu, Kelantan
- Pusat Pembelajaran Johor Bahru, Johor
- Pusat Pembelajaran Kuantan, Pahang
- Pusat Pembelajaran Kota Kinabalu, Sabah
- Pusat Pembelajaran Sibul, Sarawak
- Pusat Pembelajaran Kuching, Sarawak
- Pusat Pembelajaran Miri, Sarawak
- Pusat Pembelajaran Yayasan Bank Rakyat, Kuala Lumpur
- Pusat Pembelajaran Kuala Terengganu
- Pusat Pembelajaran Tawau
- Pusat Pembelajaran Sandakan

Program Kerjasama UUM-IPTS yang ditawarkan ialah:

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian [BBA(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian [BComm(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti [BHM(Hons)]
- Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan [BTM(Hons)]

IPTS yang terlibat dengan Program Kerjasama UUM-IPTS ialah:

- Kolej Teknologi Alpha
- Kolej Antarabangsa Inovatif

## **PENTADBIRAN PUSAT PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN LANJUTAN (PACE)**

Telefon : 04-9284641

E-mel: [pace@uum.edu.my](mailto:pace@uum.edu.my)

---

### **Pengarah**

Prof. Madya Dr. Halim Mad Lazim

Tel. : 04-9284601

E-mel : [mhalim@uum.edu.my](mailto:mhalim@uum.edu.my)

### **Pembantu Setiausaha**

Pn. Nor Asmaa Arina Zakaria

Tel. : 04-9284601

E-mel : [ina\\_ariena@uum.edu.my](mailto:ina_ariena@uum.edu.my)

### **Timbalan Pengarah**

Prof. Madya Dr. Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah

Tel. : 04-9284602

E-mel : [ainuddin@uum.edu.my](mailto:ainuddin@uum.edu.my)

## **HAL EHWAL AKADEMIK**

### **Pengurus Eksekutif**

Prof. Madya Dr. Noraini Othman

E-mel : [n.aini@uum.edu.my](mailto:n.aini@uum.edu.my)

### **Kemasukan & Rekod**

#### **Pegawai Pentadbiran**

Pn. Nurlaila Sabbikin

Tel. : 04-9284616

E-mel : [nurlaila@uum.edu.my](mailto:nurlaila@uum.edu.my)

### **Pembantu Pentadbiran (Pengkeranian/Operasi)**

Pn. Nur Syuhada Nasrudin

En. Putera Muhamad Farid Zulkifly

Cik Nur Syafiqah Huda Mohammad Rashidi

### **Kuliah**

#### **Pegawai Pentadbiran**

Pn. Husnul Khatimah Azmi

Tel. : 04-9284615

E-mel : [husnul@uum.edu.my](mailto:husnul@uum.edu.my)

### **Pembantu Pentadbiran (Pengkeranian/Operasi)**

Pn. Aunie Syamimie Chin

Pn. Nor Amirah Yaakub

### **Peperiksaan, Pengijazahan Dan Praktikum**

#### **Pegawai Pentadbiran**

Cik Suhaila Osman Kamil

Tel. : 04-9284619

E-mel : [ila@uum.edu.my](mailto:ila@uum.edu.my)

**Pembantu Pentadbiran (Pengkeranian/Operasi)**

Pn. Nurul Syahirah Takiyuddin  
Pn. Nur Shyahirah Jamalodin  
En. Mohamad Asri Saleh  
Pn. Nur Amani A Rahim

**SARJANA, KUALITI & KOKURIKULUM****Pengurus Eksekutif**

Dr. Mawarny Md. Rejab  
E-mel : mawarny@uum.edu.my

**Pegawai Pentadbiran (Sarjana)**

En. Muhamad Farhan Abd Karim  
Tel. : 04-9284603  
E-mel : mdfarhan@uum.edu.my

**Pegawai Pentadbiran (Kualiti)**

En. Mohd Hairul Uzzfar bin Hairudin  
Tel. : 04-9284603  
E-mel : uzzfar@gmail.com

**Pembantu Pentadbiran (Pengkeranian/Operasi)**

Pn. Nur Sharida Hamidi  
En. Mohd Eswandi Abdul Halim

**KERJASAMA, APEL & DIPLOMA EKSEKUTIF****Pembantu Pentadbiran (Pengkeranian/Operasi)**

En. Shah Rizal Md Akhir  
En. Mohd Shahir Mohd Zahari

**KEWANGAN, IT & PENTADBIRAN****Pengurus Eksekutif**

Dr. Mohd Herry Mohd Nasir  
E-mel: : herry@uum.edu.my

**Pen. Pengurus Pentadbiran**

Pn. Nur Azira Ali  
Tel. : 04-9284618  
E-mel : nur.azira@uum.edu.my

**Pegawai Pentadbiran**

En. Wan Abdul Mukhrij Bin Abdul Majid @ Wan Abdul Majid  
Tel. : 04-9284644  
E-mel : wan\_mukhrij95@yahoo.com.my

**Pembantu Pentadbiran (Kewangan)**

Pn. Nurul Izzaty Abu Bakar  
Pn. Noorfarahin binti Abd Rahman  
Cik Madiha Mat Zaki

**Pembantu Pentadbiran (Pentadbiran)**

Pn. Qamariah Yusop  
En. Mohamad Syafiq Abdul Ghani  
Cik Anis Afifah Asmady

**Pegawai Pentadbiran (IT)**

En. Muhamad Sufian Mohd Noor  
Tel. : 04-9284603  
E-mel : md.sufian@uum.edu.my

**STRATEGI KORPORAT & PEMBANGUNAN PERNIAGAAN****Pengurus Eksekutif**

Dr. Khairol Anuar Bin Ishak  
E-mel : khairol@uum.edu.my

**Eksekutif Kanan**

Pn. Nur Zulaikha Ezween Mohamad Fesall  
Tel. : 04-9284606  
E-mel : zulaikha\_ezween@uum.edu.my

**Pegawai Pentadbiran**

En. Mohamad Asly Asraf Ahmad  
Tel. : 04-9284614  
E-mel : maaskaf@uum.edu.my

**Pembantu Pentadbiran**

Cik Nurul Fahimah Romli

## JABATAN BENDAHARI

### KAEDAH PEMBAYARAN YURAN

a) **Sistem Pembayaran Bil**

Pembayaran yuran hendaklah dibuat menggunakan Slip Pembayaran Bil yang boleh diperolehi di semua cawangan Bank Islam. Saudara/i hanya perlu mengisi maklumat berikut pada slip berkenaan dan serahkan dikaunter cawangan BIMB beserta wang tunai yang secukupnya;

- i. Nama Pelajar (No. Matrik)
- ii. No. Kad Pengenalan Pelajar
- iii. Bayaran kepada : UUM
- iv. Jumlah Bayaran

b) **E-Com (melalui Internet)**

Pembayaran menggunakan kad kredit (Visa/Mastercard) secara *online* boleh dibuat dengan melayari [www.uum.edu.my](http://www.uum.edu.my) dan klik pada "e-comm". Bagi tujuan pembayaran yuran, anda dikehendaki memilih "Student Payment" dan seterusnya, ikuti arahan yang diberikan.

c) **Pelajar adalah diwajibkan membayar yuran sebelum tarikh akhir yang ditetapkan oleh pihak PACE.** Pelajar perlu menyimpan slip bayaran untuk semakan.

### PERATURAN BAYARAN BALIK YURAN PELAJAR YANG MENANGGUH/ BERHENTI

**1.0** Pelajar layak menuntut balik yuran jika memohon berhenti kurang daripada 30 hari selepas permulaan semester, maka **50% daripada yuran pengajian** yang telah dibayar pada semester tersebut akan dibayar balik.

**2.0 Lain-lain Syarat**

- 2.1 Universiti berhak membuat tuntutan daripada pelajar yang mempunyai yuran tertunggak walaupun telah berhenti daripada Universiti.
- 2.2 Jumlah tuntutan yang layak dituntut oleh pelajar yang menangguh pengajian untuk sesuatu semester tidak akan dibayar terus kepada pelajar berkenaan tetapi dibawa ke semester hadapan di mana pelajar tersebut dikehendaki mendaftar semula.
- 2.3 Di dalam apa jua keadaan, surat pengesahan/kelulusan daripada Jabatan Hal Ehwal Akademik hendaklah diperolehi terlebih dahulu untuk dikemukakan kepada Jabatan Bendahari semasa membuat tuntutan.

## **PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHYIAH**

Perpustakaan adalah sebuah pusat sumber dan gedung ilmu yang amat penting bagi masyarakat universiti. Perpustakaan berfungsi sebagai pusat perkhidmatan yang menyediakan kemudahan untuk membantu penggunaanya dalam proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Perpustakaan kini mempunyai sejumlah 977,253 naskhah koleksi buku termasuk alat pandang dengar dan melanggan 212,900 naskhah bahan siri termasuk dalam bentuk elektronik. Pada Mei 2016, Perpustakaan menyediakan sejumlah 1,190,153 bahan perpustakaan untuk pengguna yang terdiri dari pelbagai format dan cara akses bahan berkenaan.

Perpustakaan Sultanah Bahiyah diiktiraf oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9002 semenjak 18 Disember 1997. Dengan ini Perpustakaan dapat memantapkan lagi perkhidmatannya dan mempertingkatkan semua urusan pentadbirannya. Perpustakaan UUM merupakan perpustakaan pertama dalam negara yang dianugerahkan Sijil MS ISO 9002 bagi keseluruhan operasi.

Pada 21 September 1999, Perpustakaan dirasmikan dan dimasyhurkan sebagai Perpustakaan Sultanah Bahiyah oleh K.D.Y.M.M. Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Pada 16 November 2011, bangunan perpustakaan tambahan yang telah siap dibina diserahkan kepada Universiti Utara Malaysia, dan mula beroperasi kepada pengguna pada 19 Februari 2012. Semua buku koleksi umum dipindahkan ke aras 1 bangunan ini.

## **PERKHIDMATAN**

Perkhidmatan Pinjaman

Perkhidmatan Pembaharuan Pinjaman

- Melalui Telefon
- Secara Atas Talian (*Online*)

Perkhidmatan Tempahan Buku

Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan

Perkhidmatan Peringatan Tamat Tempoh Pinjaman Melalui Email

Perkhidmatan Aduan Buku/Bahan Tidak Dapat Dikesan di Rak

Perkhidmatan Mengakses WebOPAC Dari Kolej/Jabatan

Perkhidmatan Maklumat

- Perkhidmatan Rujukan
- Perkhidmatan Maklumat Elektronik Secara Terus
- Sistem Repositori Institusi
- Bengkel Penggunaan Perpustakaan
- Perkhidmatan Bimbingan Penyelidikan
- Perkhidmatan Maklumat Penyelidikan

Penerbitan Perpustakaan

- Kandungan Terkini
- Senarai Terbitan Bersiri
- Bibliografi

Perpustakaan Sultanah Bahiyah juga telah memperolehi sejumlah 2,089 judul daripada Netlibrary e-book . Koleksi buku elektronik ini boleh dirujuk melalui laman Web Perpustakaan Sultanah Bahiyah ([www.lib.uum.edu.my](http://www.lib.uum.edu.my)).

### **Kemudahan Pengguna**

- Bilik Perbincangan
- Bilik Karel
- Bilik Bacaan
- Bilik Bacaan Pintar
- Mesin Pemulangan Buku Automatik (Book Drop)
- Mesin "Self Check"
- Bilik Tayangan
- Auditorium
- Surau
- Pameran Buku Perolehan Terbaru
- Salinan Foto (Manual dan Digital)
- Salinan Mikrofilm/Mikrofilem
- Peti Loker

### **Perpustakaan Cawangan**

- Perpustakaan Darul Ilmi Pusat Islam
- Perpustakaan Mini Universiti Utara Malaysia Kuala Lumpur

### **PERATURAN**

- Matlamat Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia ialah untuk mengadakan suasana yang baik bagi meneruskan usaha pembelajaran dan penyelidikan oleh para pelajar dan tenaga pengajar.
- Pencapaian matlamat ini memerlukan beberapa peraturan supaya penggunaan Perpustakaan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna. Tujuan utama peraturan-peraturan ini ialah untuk mengelakkan penjejasan perkhidmatan Perpustakaan oleh pengguna individu atau sekumpulan pengguna yang tidak bertanggungjawab.
- Semua pengguna Perpustakaan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan Perpustakaan dan Peraturan Am Universiti.
- Pihak Perpustakaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan Perpustakaan yang telah ditetapkan.
  1. Hanya pengguna yang berdaftar, atau pun yang diluluskan oleh Ketua Pustakawan dibenarkan menggunakan Perpustakaan.
  2. Pengguna hendaklah menunjukkan Kad Keahlian/Kad Pintar apabila memasuki Perpustakaan dan menunjukkannya kepada kakitangan Perpustakaan pada bila-bila masa apabila diminta.
  3. Pengguna tidak dibenarkan makan, minum, merokok, membuat bising, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana pembelajaran di Perpustakaan.
  4. Menanda, merosak atau memusnahkan mana-mana harta kepunyaan Perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada barang tersebut adalah suatu kesalahan. Pengguna Perpustakaan akan dikenakan denda bayaran sekali ganda kos gantian harta benda tersebut.
  5. Semua pengguna dikehendaki mematuhi semua kenyataan dan arahan yang terdapat di dalam Perpustakaan.
  6. Semua pengguna Perpustakaan hendaklah mengikuti etika pakaian Universiti Utara Malaysia.
  7. Pengguna-pengguna perpustakaan dilarang membawa masuk sebarang peralatan elektronik seperti "walkman", kamera dan sebagainya kecuali komputer bimbit dalam perpustakaan.
  8. Semua pengguna perpustakaan dilarang menggunakan telefon bimbit dengan cara tidak munasabah.



9. Pengguna mesti mematuhi peraturan-peraturan mengenai pinjaman buku yang dibenarkan ke atas pemulangan dalam tempoh yang ditetapkan.
10. Denda akan dikenakan ke atas bahan Perpustakaan yang lewat dipulangkan.
11. Peminjam adalah bertanggungjawab terhadap bahan yang dipinjam. Bagi bahan yang dihilangkan, peminjam akan dikenakan bayaran sekali ganda kos gantian bahan tersebut. Dalam kes-kes di mana gantian tidak mungkin, Jawatankuasa Perpustakaan akan menentukan harga gantian.
12. Pengguna Perpustakaan tidak dibenarkan membawa masuk fail-fail dan beg-beg ke dalam Perpustakaan.
13. Pengguna Perpustakaan hendaklah menunjukkan semua bahan termasuk beg tangan, folder dan sebagainya kepada Pengawal Keselamatan untuk diperiksa sebelum keluar dari Perpustakaan.
14. Semua pertukaran alamat hendaklah dilaporkan serta merta kepada Perpustakaan.
15. Tempahan tempat duduk tidak dibenarkan. Buku serta apa juga bahan yang terletak di atas meja tanpa tuan punyanya selama 30 minit akan diambil oleh pihak Perpustakaan. Perpustakaan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan barang persendirian yang dibawa masuk ke dalam perpustakaan.
16. Pengguna-pengguna adalah bertanggungjawab ke atas barang-barang persendirian yang dibawa masuk ke Perpustakaan.
17. Segala urusan di semua kaunter Perpustakaan akan tamat 15 minit sebelum waktu Perpustakaan ditutup dan loceng isyarat dibunyikan dua kali. Semua pengguna mesti meninggalkan Perpustakaan dengan segera.
18. Kakitangan Perpustakaan berhak mengarah keluar sesiapa yang melanggar sebarang peraturan Perpustakaan atau peraturan Universiti.
19. Pengguna-pengguna yang didapati membawa/memiliki bahan-bahan Perpustakaan melepasi alat pengera elektronik tanpa bukti pinjaman atau tanpa kebenaran Ketua Pustakawan akan diambil tindakan tatatertib.

(Seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perpustakaan pada 17 November 1985 dan dipinda pada 29 September 1996 dan Jun 2005).

**STRUKTUR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN  
DENGAN KEPUJIAN [BBA (Hons)] SECARA PJJ**

Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan kepujian [BBA (Hons)] terdiri daripada **ENAM (6)** komponen seperti berikut:

<b>KOMPONEN</b>		<b>JAM KREDIT</b>
<b>A.</b>	TERAS UNIVERSITI	25
<b>B.</b>	TERAS PROGRAM	71
<b>C.</b>	KEPERLUAN BAHASA	9
<b>D.</b>	MINOR	18
<b>E.</b>	ELEKTIF PROGRAM	3
<b>F.</b>	ELEKTIF BEBAS	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>129</b>

**A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT)**

**JAM KREDIT**

MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3
SBLE1063	English Proficiency I	3
SBLE2113	English Proficiency II	3
SBLE3123	English Proficiency III	3
BPME1013	Asas Keusahawanan	3
VXXXXXXX	Ko-kurikulum	4

**B. TERAS PROGRAM (71 JAM KREDIT)**

BEEB1013	Prinsip Ekonomi	3
BKAL1013	Perakaunan Perniagaan	3
BPMM1013	Pengantar Pemasaran	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3
SQQS1013	Pengantar Statistik	3
STID1103	Aplikasi Komputer Dalam Pengurusan	3
BWFF2033	Pengurusan Kewangan	3
BPMN2023	Gelagat Organisasi	3
BSMH2013	Pengurusan Sumber Manusia	3
GLUL2023	Undang-Undang Perniagaan	3
GFMA2023	Perniagaan Antarabangsa	3
BPME2023	Kreativiti dan Inovasi	3
SBLE3173	English for Professional Communication	3
BJMQ3013	Pengurusan kualiti	3
BPMN3023	Pengurusan Strategik	3
BPME3033	E-Dagang	3
BPIN3053	Sistem Maklumat Pengurusan	3
BPME3073	Keusahawanan	3
BPMN3103	Seminar Pemikiran Pengurusan	3
BPMN3123	Etika Pengurusan	3
BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	3
BPBX4908	Praktikum (4 bulan)	8

### C. KEPERLUAN BAHASA ( 9 JAM KREDIT)

Pelajar **WAJIB** mengambil **TIGA (3)** tahap kursus Bahasa mandarin

SBLF1053	Bahasa Mandarin I	3
SBLF2053	Bahasa Mandarin II	3
SBLF3053	Bahasa Mandarin III	3

- Pelajar berketurunan Cina perlu memilih mana-mana kursus bahasa asing **KECUALI** Bahasa Mandarin.
- Mana-mana pelajar dari sekolah aliran Cina perlu memilih mana-mana kursus bahasa asing **KECUALI** Bahasa Mandarin.
- Pelajar perlu melengkapkan tahap pertama hingga tahap ketiga bagi mana-mana kursus bahasa yang dipilih.

### D. MINOR (18 JAM KREDIT) – KOMUNIKASI KORPORAT

Pelajar dikehendaki mengambil **ENAM (6)** kursus daripada senarai berikut:

SCCA1013	Pengantar Komunikasi	3
SCCA1023	Teori Komunikasi	3
SCCA2073	Perhubungan Awam	3
SCCA2083	Undang-undang Dalam Komunikasi	3
SCCG3123	Komunikasi Perundingan	3
SCCG3143	Kemahiran Komunikasi Kepengurusan	3

### E. ELEKTIF PROGRAM (3 JAM KREDIT)

Pelajar perlu memilih **SATU (1)** kursus seperti di bawah:

BPMM3083	Pemasaran Servis	3
----------	------------------	---

### F. ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)

Pelajar perlu memilih mana-mana **SATU (1)** kursus yang ditawarkan oleh program Pengajian lain di Pusat Pengajian yang sama atau kursus Pusat Pengajian lain dengan mengambil kira perkara berikut:

- i. Perlu memenuhi prasyarat kursus sekiranya kursus tersebut memerlukan prasyarat.
- ii. Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan sebagai Elektif Bebas.
- iii. Kursus yang dipilih bukanlah dari mana-mana kursus minor dan kursus elektif program yang ditawarkan di bawah struktur program BBA.

### TEMPOH PENGAJIAN

Jangkamasa adalah selama 11 semester/5 tahun setengah (minimum) hingga 20 semester/10 tahun (maksimum).

**NOTA :** Struktur program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian [BBA (Hons)] bagi pelajar-pelajar PJJ adalah tertakluk kepada perubahan diperingkat UUM COB.

**CADANGAN PENGAMBILAN KURSUS UNTUK  
PROGRAM SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN DENGAN KEPUJIAN [BBA(Hons)]  
SECARA PJJ**

<b>SEMESTER 1</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BPME1013	Asas Keusahawanan	Tiada	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	Tiada	3
SCCA1013	Pengantar Komunikasi	Tiada	3
SQQS1013	Pengantar Statistik	Tiada	3
VKMB1011	Pembangunan Masyarakat 1	Tiada	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 2</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	Tiada	3
BPMM1013	Pengantar Pemasaran	Tiada	3
STID1103	Aplikasi Komputer Dalam Pengurusan	Tiada	3
SCCA1023	Teori Komunikasi	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 3</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE1063	English Proficiency I	Tiada	3
BEEB1013	Prinsip Ekonomi	Tiada	3
MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	Tiada	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	Tiada	3
VKMB1021	Pembangunan Masyarakat II	VKMB1011	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 4</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLF1053	Bahasa Mandarin I	Tiada	3
SCCA2073	Perhubungan Awam	Tiada	3
BKAL1013	Perakaunan Perniagaan	Tiada	3
BSMH2013	Pengurusan Sumber Manusia	BPMN1013	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 5</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE2113	English Proficiency II	SBLE1063	3
GLUL2023	Undang-Undang Perniagaan	Tiada	3
BWFF2033	Pengurusan Kewangan	BKAL1013	3
BPME3073	Keusahawanan	BPME1013	3
VKMB2031	Pembangunan Masyarakat III	VKMB1021	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 6</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLF2053	Bahasa Mandarin II	SBLF1053	3
SCCA2083	Undang – undang dalam Komunikasi	Tiada	3
BPMN3123	Etika Pengurusan	Tiada	3
BPMM3083	Pemasaran Servis	BPMM1013	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>

SEMESTER 7			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
SBLE3123	English Proficiency III	SBLE2113	3
BPMN2023	Gelagat Organisasi	BPMN1013	3
BPME 2023	Kreativiti dan Inovasi	Tiada	3
GFMA2023	Perniagaan Antarabangsa	BPMN1013	3
VKMB2041	Pembangunan Masyarakat IV	VKMB2031	1
Jumlah Jam Kredit			<b>13</b>
SEMESTER 8			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
SBLF3053	Bahasa Mandarin III	SBLF2053	3
BJMQ3013	Pengurusan Kualiti	Tiada	3
SCCG3123	Komunikasi Perundingan	Tiada	3
BPIN3053	Sistem Maklumat Pengurusan	BPMN1013	3
Jumlah Jam Kredit			<b>12</b>
SEMESTER 9			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
SBLE3173	English for Professional Communication	SBLE3123	3
BPME3033	E-Dagang	Tiada	3
SCCG3143	Kemahiran Komunikasi Kepengurusan	Tiada	3
BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	SQQS1013 <b>dan</b> Telah mengambil dan lulus kursus berjumlah 70 jam kredit	3
Jumlah Jam Kredit			<b>12</b>
SEMESTER 10			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
BPMN3103	Seminar Pemikiran Pengurusan*	*Telah mengambil <b>dan</b>	3
BPMN3023	Pengurusan Strategik*	lulus kursus berjumlah 100 jam kredit	3
GMGM3033	Kemahiran Perundingan dan Tawar Menawar ( <b>Elektif Bebas</b> )	Tiada	3
Jumlah Jam Kredit			<b>9</b>
SEMESTER 11			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
BPBX4908	Praktikum (4 bulan)	Telah Mengambil dan lulus kesemua kursus di bawah Struktur program	8
Jumlah Jam Kredit			<b>8</b>

**JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN: 129 JAM KREDIT**

**STRUKTUR PROGRAM**  
**IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN AWAM DENGAN KEPUJIAN**  
**[BPM(Hons)] SECARA PJJ**

Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan kepujian [BPM (Hons)] terdiri daripada **LIMA (5)** komponen seperti berikut:

<b>KOMPONEN</b>		<b>JAM KREDIT</b>
<b>A.</b>	TERAS UNIVERSITI	25
<b>B.</b>	TERAS PROGRAM	64
<b>C.</b>	MINOR	18
<b>D.</b>	ELEKTIF PROGRAM	15
<b>E.</b>	ELEKTIF BEBAS	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>125</b>

**A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT) JAM KREDIT**

MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3
SBLE1063	English Proficiency I	3
SBLE2113	English Proficiency II	3
SBLE3123	English Proficiency III	3
BPME1013	Asas Keusahawanan	3
VXXXXXXX	Ko-Kurikulum	4

**B. TERAS PROGRAM (64 JAM KREDIT)**

GMGA1013	Asas Pentadbiran Awam	3
GMGA1024	Politik dan Pentadbiran	4
GMGA2013	Perlembagaan Malaysia	3
GMGA2023	Dasar Awam	3
GMGA2033	Etika Pentadbir Awam	3
GMGA3063	Perbandingan Pentadbiran Awam	3
GLUL3113	Undang-undang Pentadbiran	3
GMGF1013	Ekonomi dalam Pengurusan Awam	3
GMGF2014	Ekonomi dan Pembangunan	4
GMGF2023	Pentadbiran Kewangan	3
GMGF2033	Dasar dan Analisis Fiskal	3
GMGM2023	Pengurusan Sumber Manusia dalam Sektor Awam	3
GMGM3013	Hubungan Manusia dalam Pentadbiran	3
GMGM3023	Kepimpinan dalam Pengurusan Awam	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3
BKAL1013	Perakaunan Perniagaan	3
SSQL1113	Statistik untuk Sains Sosial	3
SSZK2003	Penyelidikan Sains Sosial	3
GMGX4908	Praktikum	8

### C. MINOR ( 18 JAM KREDIT) – KOMUNIKASI KORPORAT

Pelajar dikehendaki mengambil **ENAM (6)** kursus daripada senarai berikut:

SCCA1013	Pengantar Komunikasi	3
SCCA1023	Teori Komunikasi	3
SCCA2073	Perhubungan Awam	3
SCCA2083	Undang-undang dalam Komunikasi	3
SCCG3123	Komunikasi Perundingan	3
SCCG3143	Kemahiran Komunikasi Kepengurusan	3

### D. ELEKTIF PROGRAM (15 JAM KREDIT)

SBLE3173	English for Profesional Communication	3
STID1103	Aplikasi Komputer Dalam Pengurusan	3
GMGA3033	Operasi Dasar Awam	3
GMGZ3996	Projek Ilmiah	6
	<b>ATAU</b>	
	<b>Dua (2)</b> kursus berikut:-	
GMGA3073	Pengurusan Awam Strategik, <b>DAN</b>	3
GMGM3043	Pembangunan Organisasi	3

### D. ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)

Pelajar-pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang ditawarkan oleh program lain di Pusat Pengajian yang sama atau di Pusat Pengajian lain dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i. Perlu memenuhi prasyarat kursus jika kursus tersebut memerlukan prasyarat.
- ii. Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan sebagai elektif bebas.

### TEMPOH PENGAJIAN

Jangkamasa adalah selama 10 semester/5 tahun (minimum) hingga 20 semester/10 tahun (maksimum).

### JUMLAH JAM KREDIT

Jumlah jam kredit minimum ialah 5 dan maksimum ialah 13 bagi setiap semester.

**CADANGAN PENGAMBILAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER UNTUK  
PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN AWAM DENGAN KEPUJIAN  
[BPM (HONS)] SECARA PJJ**

<b>SEMESTER 1</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	Tiada	3
GMGA1013	Asas Pentadbiran Awam	Tiada	3
SCCA1013	Pengantar Komunikasi	Tiada	3
BPME1013	Asas Keusahawanan	Tiada	3
VKMB1011	Pembangunan Masyarakat I	Tiada	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 2</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
STID1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	Tiada	3
GMGF1013	Ekonomi dalam Pengurusan Awam	Tiada	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	Tiada	3
SCCA1023	Teori Komunikasi	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 3</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE1063	English Proficiency I	Tiada	3
MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	Tiada	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	Tiada	3
GMGM2023	Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam	Tiada	3
VKMB1021	Pembangunan Masyarakat II	VKMB1011	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 4</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BKAL1013	Perakaunan Perniagaan	Tiada	3
GMGA2023	Dasar Awam	GMGF1013	3
GMGF2023	Pentadbiran Kewangan	Tiada	3
SCCA2073	Perhubungan Awam	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 5</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SSQL1113	Statistik Sains Sosial	Tiada	3
SBLE2113	English Proficiency II	SBLE1063	3
GMGA2013	Perlembagaan Malaysia	Tiada	3
GMGA2033	Etika Pentadbir Awam	Tiada	3
VKMB2031	Pembangunan Masyarakat III	VKMB1021	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>



SEMESTER 6			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
SSZK2003	Penyelidikan Sains Sosial	Tiada	3
GMGF2033	Dasar dan Analisis Fiskal	GMGF1013	3
SCCA2083	Undang-undang dalam Komunikasi	Tiada	3
GMGM3013	Hubungan Manusia dalam Pentadbiran	Tiada	3
Jumlah Jam Kredit			12
SEMESTER 7			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
SBLE3123	English Proficiency III	SBLE2113	3
SCCG3123	Komunikasi Perundingan	Tiada	3
GLUL3113	Undang-undang Pentadbiran	Tiada	3
GMGM3023	Kepimpinan dalam Pengurusan Awam	Tiada	3
VKMB2041	Pembangunan Masyarakat IV	VKMB2031	1
Jumlah Jam Kredit			13
SEMESTER 8			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
GMGA3063	Perbandingan Pentadbiran Awam	Tiada	3
SCCG3143	Kemahiran Komunikasi Kepengurusan	Tiada	3
GMGM3043	Pembangunan Organisasi	GMGM2023 & GMGM3013	3
GMGA3073	Pengurusan Awam Strategik	Tiada	3
Jumlah Jam Kredit			12
SEMESTER 9			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
GMGA2014	Politik dan Pentadbiran	Tiada	4
SBLE3173	English For Professional Communication	SBLE3123	3
GMGA3033	Operasi Dasar Awam	GMGA2023	3
SCCA2043	Komunikasi Antarabudaya <b>(Elektif Bebas)</b>		3
Jumlah Jam Kredit			13
SEMESTER 10			
KOD	KURSUS	PRA SYARAT	JAM KREDIT
GMGF2014	Ekonomi dan Pembangunan	GMGF1013	4
GMGX4908	Praktikum	Telah mengambil <b>dan</b> lulus kesemua kursus di bawah struktur program	8
Jumlah Jam Kredit			12

**JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN: 125 JAM KREDIT**

**NOTA :**

1. Bagi kursus yang mempunyai pra-syarat, pelajar dikehendaki mengambil kursus pra-syarat terlebih dahulu.
2. Sebarang tambahan mengenai maklumat di atas akan dimaklumkan kepada pelajar dari semasa ke semasa tertakluk kepada perubahan di peringkat UUM COLGIS.

**STRUKTUR PROGRAM  
IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI DENGAN KEPUJIAN  
[B.COMM (HONS)] SECARA PJJ**

Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian [BComm (Hons)] terdiri daripada **EMPAT (4)** komponen seperti berikut:

<b>KOMPONEN</b>		<b>JAM KREDIT</b>
<b>A.</b>	TERAS UNIVERSITI	25
<b>B.</b>	TERAS PROGRAM	83
<b>C.</b>	MINOR	18
<b>D.</b>	ELEKTIF BEBAS	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>129</b>

**A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT)**

MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3
SBLE1063	English Proficiency I	3
SBLE2113	English Proficiency II	3
SBLE3123	English Proficiency III	3
BPME1013	Asas Keusahawanan	3
VXXXXXXX	Ko-Kurikulum	4

**B. TERAS PROGRAM (83 JAM KREDIT)**

GMJA1013	Pengantar Sains Sosial	3
SBLM1023	Pengantar Penulisan	3
SCCA1013	Pengantar Komunikasi	3
SCCA1023	Teori Komunikasi	3
SCCA1033	Pengantar Komunikasi Organisasi	3
SCCT1013	Teknologi Komunikasi Maklumat dan Masyarakat	3
SSQL1113	Statistik untuk Sains Sosial	3
STID1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3
SCCT1033	Pengantar Teknologi Media	3
STIV1023	Asas Sistem Multimedia	3
SCCA2013	Kaedah Penyelidikan Komunikasi	3
SCCA2023	Komunikasi Kemanusiaan	3
SCCA2033	Media dan Masyarakat	3
SCCA2043	Komunikasi Antarabudaya	3
SCCA2053	Penulisan Korporat	3
SCCA2073	Perhubungan Awam	3
SCCA2083	Undang-undang dalam Komunikasi	3
SCCA2093	Pengurusan Penerbitan	3
SCCA2103	Komunikasi Kepemimpinan	3
SCCA3013	Pengurusan Komunikasi Strategik	3
SCCA3023	Audit dalam Komunikasi	3
SCCG3153	Komunikasi Korporat	3

SCCZ3106	Latihan Ilmiah	6
SCCX3998	Praktikum	8

### C. KURSUS MINOR (18 JAM KREDIT)

Komponen ini telah ditetapkan kepada minor **KEUSAHAWANAN** yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM).

BPME2013	Kemahiran Dan Gelagat Usahawan	3
BPME2023	Kreativiti Dan Inovasi	3
BPME3033	E-Dagang	3
BPME3013	Pengurusan Perkembangan Perniagaan	3
BPME3023	Pengurusan Perniagaan Francais	3
BPMM1013	Pengantar Pemasaran	3

### D. ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)

Pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang ditawarkan oleh program pengajian lain di Pusat Pengajian yang sama atau kursus Pusat Pengajian lain dengan mengambil kira perkara berikut:

- i. Perlu memenuhi prasyarat kursus sekiranya kursus tersebut memerlukan prasyarat.
- ii. Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan sebagai elektif bebas.

**CADANGAN PENGAMBILAN KURSUS MENGIKUT SEMESTER UNTUK  
PROGRAM SARJANA MUDA KOMUNIKASI DENGAN KEPUJIAN  
[B.COMM (Hons)] SECARA PJJ**

<b>SEMESTER 1</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BPME1013	Asas Keusahawanan	Tiada	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	Tiada	3
GMJA1013	Pengantar Sains Sosial	Tiada	3
SCCA1013	Pengantar Komunikasi	Tiada	3
VKMB1011	Pembangunan Masyarakat 1	Tiada	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 2</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BPMM1013	Pengantar Pemasaran	Tiada	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	Tiada	3
SCCA1023	Teori Komunikasi	Tiada	3
STID1103	Aplikasi Komputer dalam pengurusan	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 3</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE1063	English Proficiency I	Tiada	3
SCCA1033	Komunikasi dalam Organisasi	Tiada	3
MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	Tiada	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	Tiada	3
VKMB1021	Pembangunan Masyarakat II	VKBM1011	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 4</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLM1023	Pengantar Penulisan	Tiada	3
SCCT1013	Teknologi Komunikasi Maklumat dan Masyarakat	Tiada	3
SCCA2073	Perhubungan Awam	Tiada	3
STIV1023	Asas Sistem Multimedia	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 5</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE2113	English Proficiency II	SBLE1063	3
SCCA2043	Komunikasi Antarabudaya	Tiada	3
SCCA2053	Penulisan Korporat	Tiada	3
SCCT1033	Pengantar Teknologi Media	Tiada	3
VKMB2031	Pembangunan Masyarakat III	VKBM1021	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>

<b>SEMESTER 6</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SCCA2103	Komunikasi Kepemimpinan	Tiada	3
SSQL1113	Statistik untuk Sains Sosial	Tiada	3
SCCA2083	Undang-undang dalam Komunikasi	Tiada	3
SCCA2023	Komunikasi Kemanusiaan	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 7</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE3123	English Proficiency III	SBLE2113	3
SCCA2033	Media dan Masyarakat	Tiada	3
BPME2023	Kreativiti dan Inovasi	Tiada	3
SCCA2093	Pengurusan Penerbitan	Tiada	3
VKMB2041	Pembangunan Masyarakat IV	VKMB2031	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 8</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BPME2013	Kemahiran dan Gelagat Usahawan	BPME1013	3
SCCG3153	Komunikasi Korporat	Tiada	3
SCCA2013	Kaedah Penyelidikan Komunikasi	Telah mengambil dan lulus 70 jam kredit	3
SCCA3013	Pengurusan Komunikasi Strategik	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 9</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SCCA3023	Audit dalam Komunikasi	Tiada	3
BPME3033	E-Dagang	Tiada	3
BPME3013	Pengurusan Perkembangan Perniagaan	BPME1013	3
BPME3023	Pengurusan Perniagaan Francais	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 10</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>

SCCZ3106	Latihan Ilmiah	SCCA2013 Kaedah Penyelidikan Komunikasi <b>dan</b> telah mengambil <b>dan</b> lulus 100 jam kredit	6
GMGM3033	Kemahiran Perundingan dan Tawar Menawar ( <b>Elektif Bebas</b> )	Tiada	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>9</b>
<b>SEMESTER 11</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SCCX3998	Praktikum	Telah mengambil <b>dan</b> lulus kesemua kursus di bawah Struktur Program	8
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>8</b>

**JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN: 129 JAM KREDIT**

**STRUKTUR PROGRAM  
IJAZAH SARJANA MUDA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM  
DENGAN KEPUJIAN [BIFB(Hons)] SECARA PJJ**

Bagi dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepujian [BIFB (Hons)], seseorang pelajar dikehendaki mengambil dan lulus **minimum 135 jam kredit** yang meliputi kursus-kursus dalam struktur program seperti di bawah:

KOMPONEN		JAM KREDIT
A.	TERAS UNIVERSITI	25
B.	TERAS PROGRAM	71
C.	ELEKTIF PROGRAM	36
D.	ELEKTIF BEBAS	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>135</b>

**A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT) JAM KREDIT**

MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	3
SBLE1063	English Proficiency I	3
SBLE2113	English Proficiency II	3
SBLE3123	English Proficiency III	3
BPME1013	Asas Keusahawanan	3
VXXXXXXX	Ko-Kurikulum	4

**B. TERAS PROGRAM (71 JAM KREDIT)**

BEEB1013	Prinsip Ekonomi	3
BKAF1023	Pengantar Perakaunan Kewangan	3
BPMM1013	Pengantar Pemasaran	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	3
BPMN3023	Pengurusan Strategik	3
BPMN3123	Etika Pengurusan	3
BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	3
BWBB1013	Asas Perbankan	3
BWBS2083	Pengurusan Bank-bank Islam	3
BWFF2033	Pengurusan Kewangan	3
BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	3
BWFS2073	Usul Fiqh untuk Kewangan dan Perbankan	3
BWFS2083	Pasaran Kew. Islam, Instrumen dan Institusi	3
BWFS3053	Qawaid Fiqh untuk Kewangan & Perbankan	3
BWFS3093	Seminar Kewangan dan Perbankan Islam	3
BWSE1013	Asas Ekonomi Islam	3
BWSS2013	Falsafah Perniagaan dlm Kewangan dan Perbankan Islam	3
BWSS2093	Kontrak Kewangan dan Perbankan Islam	3
BWSX4908	Praktikum	8
GLUL2023	Undang – undang Perniagaan	3
SQQS1013	Pengantar Statistik	3
STID1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	3

### C. ELEKTIF PROGRAM (36 JAM KREDIT)

#### 1. WAJIB BIDANG (33 JAM KREDIT)

Pelajar wajib mengambil kesemua **SEBELAS (11)** kursus yang disenaraikan di bawah:

BPLS1033	Asas Bahasa Arab untuk Muamalat	3
BWBS3053	Pembiayaan Perdagangan Ant. Islam	3
BWBS3023	Pengurusan Perbendaharaan Islam	3
BWFS2033	Regulasi untuk Kewangan & Perbankan Islam	3
BWFS2053	Pengurusan Pembiayaan Islam	3
BWFS3013	Pelaburan Islam	3
BWFS3023	Perakaunan Islam	3
BWFS3033	Perancangan Zakat & Percukaian	3
BWFS3063	Perancangan Kewangan Islam	3
BWFS3073	Estet Islam, Perancangan Waqf & Persaraan	3
BWSR2013	Pengurusan Risiko & Perancangan Takaful	3

#### 2. PILIHAN BIDANG ( 3 jam kredit)

BPLS3103	Bahasa Arab untuk Muamalat	3
----------	----------------------------	---

### D. ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)

Pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang ditawarkan oleh program pengajian lain di pusat-pusat pengajian yang sama atau kursus pusat pengajian lain mengambil kira perkara berikut:

- i. Perlu memenuhi prasyarat kursus sekiranya kursus tersebut memerlukan prasyarat.
- ii. Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan elektif bebas

### TEMPOH PENGAJIAN

Jangkamasa adalah selama 11 semester/5 tahun setengah (minimum) hingga 20 semester/10 tahun (maksimum).

**NOTA** :Struktur program Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam dengan Kepujian [BIFB(Hons)] bagi pelajar-pelajar PJJ adalah tertakluk kepada perubahan diperingkat UUM COB.



**CADANGAN PENGAMBILAN KURSUS UNTUK  
PROGRAM SARJANA MUDA KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM  
DENGAN KEPUJIAN [BIFB(Hons)] SECARA PJJ**

<b>SEMESTER 1</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BWSE1013	Asas Ekonomi Islam	TIADA	3
BPME1013	Asas Keusahawanan	TIADA	3
BPMN1013	Pengantar Pengurusan	TIADA	3
BPLS1033	Asas Bahasa Arab untuk Muamalat	TIADA	3
VKMB1011	Pembangunan Masyarakat I	TIADA	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 2</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SADN1033	Kenegaraan Malaysia	TIADA	3
STID1103	Aplikasi Komputer dalam Pengurusan	TIADA	3
BPMM1013	Pengantar Pemasaran	TIADA	3
SQQS1013	Pengantar Statistik	TIADA	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 3</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE1063	English Proficiency I	TIADA	3
MPU1043	Falsafah dan Isu Semasa	TIADA	3
BWSS2013	Falsafah Perniagaan dalam Kewangan dan Perbankan Islam	TIADA	3
MPU1013	Penghayatan Etika dan Peradaban	TIADA	3
VKMB1021	Pembangunan Masyarakat II	VKMB1011	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 4</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BWSS2093	Kontrak Kewangan dan Perbankan Islam	TIADA	3
BKAF1023	Pengantar Perakaunan Kewangan	TIADA	3
BWBB1013	Asas Perbankan	TIADA	3
BEEB1013	Prinsip Ekonomi	TIADA	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 5</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE2113	English Proficiency II	SBLE1063	3
BWFS2073	Usul fiqh untuk Kewangan dan Perbankan	BWSS2013	3
BWFF2033	Pengurusan Kewangan	BKAF1023 <b>ATAU</b> BKAL1013 <b>ATAU</b> BKAR1013	3
BPLS3103	Bahasa Arab untuk Muamalat	BPLS1033	3
VKMB2031	Pembangunan Masyarakat III	VKMB1021	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>

<b>SEMESTER 6</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BWFS2083	Pasaran Kewangan Islam, Instrumen dan Institusi	BWFF2043 <b>DAN</b> BWSS2013	3
BWFS2033	Regulasi Kewangan dan Perbankan Islam	BWSS2013	3
BPMN3123	Etika Pengurusan	TIADA	3
GLUL2023	Undang-undang Perniagaan	TIADA	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 7</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
SBLE3123	English Proficiency III	SBLE2113	3
BWFS2053	Pengurusan Pembiayaan Islam	BWSS2013	3
BWFS3023	Perakaunan Islam	BWSS2013 <b>DAN</b> BKAF1023	3
BWFF2043	Pengurusan Kewangan Lanjutan	BWFF2033	3
VKMB2041	Pembangunan Masyarakat IV	VKMB2031	1
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>13</b>
<b>SEMESTER 8</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BWSR2013	Pengurusan Risiko dan Perancangan Takaful	BWFF2043 <b>DAN</b> BWSS2013	3
BWBS3053	Pembiayaan dan Perdagangan Antarabangsa Islam	BWSS2013	3
BPMN3143	Kaedah Penyelidikan	SQQS1013 <b>DAN</b> Lulus kursus kesemuanya berjumlah 70 jam kredit	3
BWFS3053	Qawaid fiqh untuk Kewangan dan Perbankan	BWSS2073	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 9</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BWFS3013	Pelaburan Islam	BWFF2043 <b>DAN</b> BWSS2013	3
BWBS3023	Pengurusan Perbendaharaan Islam	BWSS2013	3
BPMN3023	Pengurusan Strategik	Telah mengambil dan lulus kursus-kursus yang kesemuanya berjumlah 100 jam kredit	3
BWFS3033	Perancangan Zakat dan Percukaian	BWFF2033 <b>DAN</b> BWSS2013	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>

<b>SEMESTER 10</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BWFS3073	Estet Islam, Perancangan Wagf dan Persaraan	BWFF2033 <b>DAN</b> BWSS2013	3
BWBS2083	Pengurusan Bank-bank Islam	BWFF2033 <b>DAN</b> BWSS2013	3
BWFS3063	Perancangan Kewangan Islam	BWSS2013 <b>ATAU</b> BWSS2093	3
GMGM3033	Kemahiran Perundingan dan Tawar Menawar <b>(Elektif Bebas)</b>	TIADA	3
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>12</b>
<b>SEMESTER 11</b>			
<b>KOD</b>	<b>KURSUS</b>	<b>PRA SYARAT</b>	<b>JAM KREDIT</b>
BWFS3093	Seminar Kewangan dan Perbankan Islam	Telah mengambil dan lulus 100 jam kredit	3
BPBX4908	Praktikum	Telah mengambil dan lulus kesemua kursus di dalam struktur program	8
<b>Jumlah Jam Kredit</b>			<b>11</b>

**JUMLAH JAM KREDIT KESELURUHAN: 135 JAM KREDIT**

## YURAN PENGAJIAN

- i. **Yuran Pengajian** (berubah mengikut bilangan kursus yang diambil pada setiap semester) – **RM150.00** bagi setiap jam kredit.

**Contoh:** Seorang pelajar mengambil 4 kursus yang mempunyai 10 jam kredit pada semester pertama. *Pengiraan adalah seperti berikut:*

$$10 \text{ jam kredit} \times \text{RM150.00/jam kredit} = \underline{\text{RM1500.00}}$$

- ii. **Yuran Pendaftaran** (dibayar sekali sepanjang pengajian) - RM300.00
- iii. **Yuran Perpustakaan** (dibayar setiap semester pengajian) - RM20.00
- iv. **Yuran Persatuan Pelajar** (dibayar setiap semester pengajian) - RM10.00
- v. **Yuran Kebajikan** (dibayar setiap semester pengajian) - RM13.00
- vi. **Yuran ICT** (dibayar setiap semester pengajian) - RM40.00

## PENANGGUHAN PENGAJIAN

(Rujuk **Maklumat Akademik Yang Diedarkan Pada Setiap Semester**)

- Penangguhan Pengajian dalam tempoh 30 hari selepas permulaan semester, yuran pengajian hanya akan dipulangkan semula sebanyak 50% sahaja.
- Selepas 30 hari, yuran tidak akan dipulangkan.
- Tarikh akhir tangguh pengajian adalah 24 jam sebelum hari pertama peperiksaan akhir bermula.
- Pelajar perlu membuat permohonan bagi setiap penangguhan.
- Tempoh penangguhan adalah tidak melebihi 6 semester berturut-turut sepanjang pengajian. Sekiranya melebihi 6 semester berturut-turut, pihak PACE berhak untuk memberhentikan pelajar dari meneruskan pengajian.
- Tempoh penangguhan ini diambil kira dalam tempoh 20 semester yang dibenarkan untuk mendapatkan ijazah.

## TARIK DIRI KURSUS

(Rujuk **Maklumat Akademik Yang Diedarkan Pada Setiap Semester**)

Para pelajar yang berhasrat untuk tarik diri kursus perlulah mengemukakan surat permohonan untuk tarik diri. Tarik diri kursus terbahagi kepada dua (2):

i. **Tarik Diri Tidak Berbayar**

Tarik diri tidak berbayar bermula selepas berakhir minggu gugur/tambah sehingga selepas pertemuan ke-4 (**Tarikh mula dan akhir akan ditetapkan dalam Maklumat Akademik bagi setiap semester**).

## ii. Tarik Diri Berbayar

Tarik diri berbayar bermula selepas tarik diri tidak berbayar sehingga dua ( 2 ) minggu sebelum peperiksaan akhir bermula dengan bayaran RM50.00 bagi setiap kursus (**Tarikh mula dan akhir akan ditetapkan dalam Maklumat Akademik bagi setiap semester**).

- ☞ Pelajar perlu memastikan jumlah jam kredit yang tinggal selepas tarik diri tidak kurang dari lima (5) jam kredit.
- ☞ Yuran pengajian tidak dikembalikan

## PERATURAN PEPERIKSAAN

### PENGUMUMAN UNTUK CALON

Dari perenggan 12 Akta UUM (Peperiksaan) 1988

#### 1.0 TUGAS CALON SEBELUM PEPERIKSAAN

- 1.01 Calon mesti mengambil perhatian yang teliti tentang jadual waktu peperiksaan supaya calon tidak akan membuat kesilapan berkenaan masa dan tempat untuk kursus-kursus yang didaftar. Calon dinasihatkan supaya selalu melihat papan kenyataan jikalau terdapat sebarang pindaan kepada jadual waktu peperiksaan. Pindaan seperti itu, jika ada, akan dicetak di atas kertas 'PENGUMUMAN' dan dipaparkan di atas papan kenyataan Universiti dan laman web PACE, UUM. Kesilapan di dalam membaca jadual waktu tidak sekali-kali diterima sebagai alasan untuk gagal menghadiri peperiksaan.
- 1.02 Calon mesti tiba tepat pada waktu yang ditetapkan. Perlanjutan masa tidak akan dibenarkan bagi seseorang calon di dalam apa keadaan sekalipun. Semua calon dikehendaki membawa bersama kad pengenalan, slip peperiksaan dan kad matrik masing-masing. Kemasukan ke tempat peperiksaan hanyalah dengan slip peperiksaan. Calon yang tidak mempunyai slip peperiksaan tidak dibenarkan masuk hingga hal kelayakannya untuk mengambil peperiksaan itu dibuktikan. Calon yang tidak mempunyai kad pengenalan akan dikehendaki menyakinkan ketua pengawas atau pengawas yang bertugas berkenaan dengan pengenalan diri mereka.
- 1.03 Buku, kertas, dokumen atau gambar, kecuali benda-benda yang disahkan oleh pemeriksa, tidak boleh dibawa masuk atau keluar oleh seseorang calon dari Dewan Peperiksaan. Semasa berada di tempat peperiksaan, seseorang calon boleh menerima daripada pengawas, buku, kertas, dokumen, gambar atau sebarang benda yang telah disahkan.
- 1.04 Calon dibenarkan membawa alat-alat seperti kotak pensil yang mengandungi pen, pensil, pembaris dan mesin kira sahaja ke dalam Dewan Peperiksaan. Calon tidak dibenarkan membawa masuk telefon bimbit ke dalam dewan peperiksaan.

- 1.05 Tidak seorang pun dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan sehingga Ketua Pengawas atau pengawas yang bertugas memberi isyarat untuk berbuat demikian. Biasanya calon dibenarkan masuk lima belas (15) minit sebelum peperiksaan dijalankan. Tidak seorang calon pun dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan lewat daripada setengah (1/2) jam.

### **Peringatan**

Calon yang dihalang dari mengambil peperiksaan akan diberikan gred 'X' dengan mata gred 0.0.

- 1.06 Calon telah ditetapkan tempat duduk di Dewan Peperiksaan mengikut kursus. Sebelum bermulanya sesuatu peperiksaan calon adalah dinasihatkan melihat pelan tempat duduk di mana kursus yang terlibat dengan nama calon dipaparkan di papan kenyataan di luar Dewan Peperiksaan. Calon adalah diminta mengambil tempat duduk dengan senyap dan teratur.

## **2.0 TUGAS CALON SEMASA PEPERIKSAAN**

- 2.01 Setelah mengambil tempat masing-masing calon dikehendaki:-
- a) memenuhi borang kehadiran (HEA/PEP-2) dan meletakkannya di sudut sebelah kanan meja;
  - b) meletakkan kad pengenalan, slip peperiksaan dan kad matrik di atas borang kehadiran yang telah dipenuhkan. Borang kehadiran akan dipungut oleh pengawas-pengawas. Calon adalah diingatkan supaya mengambil balik kad pengenalan dan slip peperiksaan mereka selepas kad-kad tersebut diperiksa.
- 2.02 Calon mestilah menulis Nombor Matrik, Nombor Kad Pengenalan, Tarikh, Kod>Nama Kursus, Nama Pensyarah dan Kumpulan pada setiap kertas jawapan yang digunakan.
- 2.03 Semua calon tidak dibenarkan merokok di dalam Dewan Peperiksaan semasa peperiksaan dijalankan.
- 2.04 Calon tidak dibenarkan berhubung di antara satu sama lain semasa peperiksaan, sama ada melalui percakapan atau cara yang lain. Jika seseorang calon ingin berhubung dengan seseorang pengawas, dia mestilah mengangkat tangannya.
- 2.05 Ketua Pengawas atau Pengawas yang bertugas akan memberi syarat yang nyata untuk menunjukkan tamatnya peperiksaan. Selepas sahaja isyarat ini diberikan, semua calon hendaklah berhenti menulis.
- 2.06 Calon adalah bertanggungjawab untuk mengikat kertas jawapan. Kertas jawapan tersebut akan dikutip oleh Ketua Pengawas atau

Pengawas dari meja tiap-tiap calon. Calon tidak dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan sehingga skrip jawapan dikutip oleh Ketua Pengawas atau Pengawas dari meja tiap-tiap calon. Calon tidak dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan sehingga skrip jawapan di kutip oleh Ketua Pengawas atau Pengawas.

- 2.07 Seseorang calon akan dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan selepas setengah (1/2) jam peperiksaan dijalankan. Walaubagaimanapun, tidak seorang pun dibenarkan meninggalkan Dewan Peperiksaan lima belas (15) minit sebelum tamatnya peperiksaan.
- 2.08 Calon yang sakit semasa peperiksaan sedang dijalankan mesti melaporkannya secepat mungkin kepada Ketua Pengawas atau Pengawas yang bertugas.
- 2.09 Calon yang didapati **MENIRU ATAU MENGELAT ATAU MEMBOLEHKAN ORANG LAIN MENGELAT** dalam peperiksaan akan dikenakan tindakan mengikut peraturan peperiksaan yang sedia ada.

### **3.0 TUGAS CALON YANG TIDAK DAPAT MENGAMBIL PEPERIKSAAN**

- 3.01 Seseorang calon yang tidak dapat mengambil peperiksaan mana-mana kursus yang didaftarkanya hendaklah memberi sebab kegagalan menghadiri peperiksaan (secara bertulis kepada Pengarah PACE) disokong oleh dokumen-dokumen yang sah, jika ada, **sebelum atau dalam masa tujuh (7) hari selepas peperiksaan kursus berkenaan dijalankan**. Kegagalan untuk berbuat demikian akan dianggap bahawa ianya tidak mempunyai sebarang alasan yang sah dan berkemungkinan ianya diberi grad 'F' bagi kursus tersebut. Segala pertanyaan berkenaan peperiksaan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE).
- 3.02 Seseorang calon yang gagal menghadiri semua kertas peperiksaan tanpa sebab yang dapat diterima oleh Lembaga Pemeriksa Universiti ataupun tanpa kelulusan Lembaga terlebih dahulu, akan dianggap gagal keseluruhan peperiksaan.

### **4.0 RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PEPERIKSAAN**

- 4.01 Sesuatu rayuan terhadap keputusan peperiksaan akhir Universiti hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Jabatan Hal Ehwal Akademik oleh pelajar berkenaan dalam masa (2) minggu selepas keputusan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak akan diberi pertimbangan.
- 4.02 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang jawapannya diminta diperiksa semula.

- 4.03 **Bayaran sebanyak RM75.00** bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta diperiksa semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik.
- 4.04 Apabila diterima sesuatu rayuan, Jabatan Hal Akademik akan merujuknya kepada Penolong Naib Canselor Kolej berkenaan.
- 4.05 Penolong Naib Canselor Kolej berkenaan akan menyemak kertas jawapan bagi sesuatu kursus tersebut bersama-sama dengan pemeriksa asal. Penyemakan adalah untuk memastikan bahawa tidak terdapat kesilapan teknikal iaitu dari segi salah campuran atau tertinggal sesuatu bahagian dari segi salah campuran atau tertinggal sesuatu bahagian dari diperiksa atau kesilapan dalam pemberian markah untuk satu-satu jawapan.
- 4.06 Perakuan Penolong Naib Canselor hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Hal Ehwat Akademik untuk pengesahan Senat sebelum diberitahu kepada pelajar berkenaan.
- 4.07 Setiap keputusan yang dibuat oleh Penolong Naib Canselor menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad.

## 5.0 PERINGATAN UNTUK CALON (KECURANGAN AKADEMIK)

Kecurangan Akademik: Kecurangan Akademik meliputi tindakan-tindakan pelajar yang melanggar mana-mana Peraturan Peperiksaan dan melakukan plagiat bagi kertas projek, latihan ilmiah atau lain-lain tugas dan kursus.

- 5.01 Calon-calun yang disyaki melakukan Kecurangan Akademik akan dihadapkan ke Jawatankuasa Kecurangan Akademik yang terdiri daripada :-
- |      |   |            |
|------|---|------------|
| i)   | Timbalan Naib Canselor (A&A)<br>atau Penolong Naib Canselor Kolej berkenaan | Pengerusi  |
| ii)  | 2 ahli Lembaga<br>Kolej berkenaan   | Ahli       |
| iii) | Pendaftar @ wakil   | Setiausaha |
- 5.02 Perbincaraan akan diadakan sesegera mungkin dan jika didapati bersalah akan dijatuhkan hukuman berikut:
- i) Gagal dengan mendapat **gred F tidak boleh tebus** bagi kursus yang berkaitan dengan kes peniruan; atau
  - ii) Gagal dengan gred F kesemua kursus yang didaftarkan bagi semester berkenaan atau sebilangan kursus yang telah diambil sebelum itu bagi semester berkenaan; atau
  - iii) Dalam hal-hal tertentu perkara sebegini akan diperakukan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar.



- 5.03 Jika bersabit kesalahan, Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar boleh menjatuhkan salah satu atau lebih hukuman berikut:-
- a) amaran;
  - b) denda tidak lebih daripada RM200.00;
  - c) pergantungan daripada mana-mana atau semua kemudahan Universiti selama tempoh yang ditentukan;
  - d) pengekklusan daripada mana-mana bahagian Universiti selama tempoh yang ditentukan;
  - e) penyingkiran daripada Universiti
- 5.04 Naib Canselor boleh menggunakan budi bicaranya di mana perlu, untuk menahan calon-calon yang melanggar mana-mana peraturan daripada mengambil sesuatu atau semua peperiksaan sekiranya dia berpuashati atau bukti "*prima facie*" pelanggaran peraturan tersebut.

### **PERATURAN PENGIJAZAHAN UNTUK PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN**

#### **[Akta Universiti Utara Malaysia (Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian 1988) Perenggan Lapan (8)]**

- 1.0 Peraturan ini dinamakan 'Peraturan Pengijazahan untuk Program Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian'.
- 2.0 Dalam peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
- "Semester" ertinya semester pengajian selama empat belas (14) minggu.
- "Intersesi" ertinya satu tempoh pengajian pendek selama tujuh (7) minggu.
- "Kerjasama" ertinya program akademik UUM yang dijalankan sepenuhnya oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
- "PJJ" ertinya Pendidikan Jarak Jauh.
- "Penuh Masa" ertinya pelajar yang mengikuti pengajian penuh masa di Kampus Universiti Utara Malaysia.

### **3.0 PENGANUGERAHAN IJAZAH**

- 3.1 Ijazah-ijazah yang dianugerahkan adalah seperti berikut:-
- 1.1.1 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian [BPM(Hons)];
  - 1.1.2 Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian [BBAHons];
  - 1.1.3 Ijazah Sarjana Muda Kewangan Dan Perbankan Islam dengan

- Kepujian [BIFB (Hons)];
- 1.1.4 Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian [BComm(Hons)];
- 1.1.5 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif dengan Kepujian [BCIM(Hons)];
- 1.1.6 Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian [BMA(Hons)].

- 3.2 Kelas-kelas Ijazah adalah seperti berikut:-
- a) Kelas Pertama
  - b) Kelas Kedua Atas
  - c) Kelas Kedua Bawah

## 4.0 PENGAJIAN

### 4.1 Tempoh Pengajian PJJ

- a. Tempoh maksimum yang diberikan untuk memperolehi ijazah ialah 20 semester.
- b. Pengecualian daripada had tempoh diatas dibenarkan kepada pelajar dengan kelulusan Senat mengikut merit sesuatu kes.

### 4.2 Struktur Pengajian

Untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian, seorang pelajar dikehendaki mengambil dan lulus dengan mendapat kredit minimum yang ditetapkan oleh sesuatu Program. Walau bagaimanapun struktur program hendaklah terdiri daripada komponen yang masing-masingnya tidak kurang daripada bilangan kredit berikut:-

- a. Teras Universiti  
Jumlah kredit yang ditetapkan adalah tertakluk kepada keperluan yang ditetapkan dalam program masing-masing.
- b. Teras Program  
Jumlah kredit bagi Teras Program hendaklah mengikut struktur yang telah ditetapkan dalam program masing-masing.

### 4.3 Beban Kerja

Beban kerja bagi pelajar PJJ adalah tertakluk kepada status berikut:-

- i. Pelajar Berstatus Lulus  
Seorang pelajar, bagi memenuhi syarat 4.0 diatas dikehendaki mengambil sebanyak tidak kurang daripada lima (5) kredit dan tidak lebih daripada tiga belas (13) kredit dalam satu-satu semester. Dalam kes-kes yang istimewa, seorang pelajar boleh diizinkan mengambil lebih daripada tiga belas (13) kredit atau kurang daripada lima (5) kredit dengan kelulusan bertulis daripada Penolong Naib Canselor/Dekan Akademik Kolej masing-masing.

ii. Pelajar Berstatus Lulus Bersyarat/Mengulang

Seorang pelajar yang statusnya Lulus Bersyarat atau Mengulang dikehendaki mengambil sebanyak tidak kurang daripada lima (5) kredit dan tidak lebih daripada sepuluh (10) kredit. Dalam kes yang istimewa seorang pelajar boleh diizinkan mengambil kurang daripada lima (5) kredit atau lebih daripada sepuluh (10) kredit dengan kelulusan bertulis daripada Penolong Naib Canselor/Dekan Akademik Kolej masing-masing.

4.4 Pendaftaran dan Pemilihan Kursus

Semua kursus yang diambil bagi sesuatu semester hendaklah didaftarkan. Pendaftaran bagi kursus tersebut hendaklah dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan. [Sila rujuk hebahan tarikh di dalam website [www.pace.uum.edu.my](http://www.pace.uum.edu.my) atau melalui MEMO dikeluarkan oleh Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE)].

4.5 Penambahan dan Pengguguran Kursus

Penambahan dan pengguguran kursus yang didaftarkan hanya boleh dibuat dalam tempoh yang ditetapkan tertakluk kepada syarat 4.3 di atas. Sila rujuk hebahan tarikh di dalam website [www.pace.uum.edu.my](http://www.pace.uum.edu.my) atau melalui MEMO dikeluarkan oleh Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE).

## 5.0 PENILAIAN

5.1 Peruntukan Penilaian

- a. Penilaian dibahagikan kepada dua (2) perkara iaitu kerja kursus dan peperiksaan akhir. Peratusan penilaian kerja kursus dan peperiksaan akhir ditentukan oleh Jawatankuasa Akademik Kolej masing-masing/Pusat Kokurikulum.
- b. Kursus-kursus yang tidak memerlukan peperiksaan akhir semester hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Akademik Kolej masing-masing/Pusat Kokurikulum.

5.2 Gred

- 5.2.1 Seorang pelajar akan diberi penilaian seperti berikut:-
- (a) Gred dan Matagred yang diberikan untuk menilai prestasi akademik pelajar dalam sesuatu kursus adalah seperti berikut

<b>GRED</b>	<b>MARKAH</b>	<b>MATA GRED</b>	<b>CATATAN</b>
<b>A+</b>	90 – 100	4.00	Cemerlang
<b>A</b>	80 – 89	4.00	Cemerlang
<b>A-</b>	75 – 79	3.67	Kepujian
<b>B+</b>	70 – 74	3.33	Kepujian
<b>B</b>	65 – 69	3.00	Kepujian
<b>B-</b>	60 – 64	2.67	Baik
<b>C+</b>	55 – 59	2.33	Baik
<b>C</b>	50 – 54	2.00	Lulus
<b>C-</b>	<b>45 – 49</b>	<b>1.67</b>	<b>Gagal</b>
<b>D+</b>	<b>40 – 44</b>	<b>1.33</b>	<b>Gagal</b>
<b>D</b>	<b>35 – 39</b>	<b>1.00</b>	<b>Gagal</b>
<b>F</b>	<b>00 – 34</b>	<b>0.00</b>	<b>Gagal</b>

- (b) Setuju supaya skala pemarkahan ini juga diguna pakai untuk kursus Praktikum.
- (c) Pelajar yang mendapat gred C-, D+, D dan F bagi mana-mana kursus perlu mendaftar dan mengulang semula kursus berkenaan hingga memperolehi gred C (Lulus).
- (d) **Gred F** akan diberi kepada pelajar yang tidak mengambil peperiksaan akhir kecuali kursus-kursus yang tidak memerlukan peperiksaan akhir seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik Kolej/Pusat Kokurikulum.
- (e) **Gred F1** akan diberi kepada pelajar tidak menghadiri peperiksaan akhir.
- (f) **Gred TG** iaitu tangguh gred akan diberi kepada pelajar dalam situasi berikut:
- i. Pelajar yang telah lulus permohonan peperiksaan akhir gantian.
  - ii. Pelajar yang masih menunggu keputusan kes kecurangan akademik.
- (g) **Gred TL** boleh diberikan kepada pelajar yang belum melengkapkan mana-mana keperluan tertentu bagi sesuatu kursus kecuali peperiksaan atau ujian tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
- i. Permohonan untuk mendapatkan gred **TL** hendaklah dikemukakan kepada Penolong Naib Canselor/Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing/Pengarah Pusat

Kokurikulum setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan;

- ii. Permohonan untuk mendapatkan gred **TL** hendaklah dikemukakan sebelum berakhirnya minggu ke-15;
- iii. Gred **TL** hendaklah ditebus dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh akhir semester berkenaan;
- iv. Jika gred **TL** ditebus selepas tamat tempoh empat (4) minggu seperti dalam (iii) di atas, tetapi tidak melebihi empat (4) minggu yang kedua, maka pelajar akan menerima gred satu peringkat rendah daripada gred yang layak diterima;
- v. Jika gred **TL** tidak ditebus selepas tamat tempoh lapan (8) minggu yang ditetapkan, gred **F** akan diberikan kepada pelajar terlibat.

(h) Gred Tidak Lengkap (**TL**) bagi mana-mana keperluan Penilaian Praktikum boleh diberikan kepada pelajar yang belum melengkapkan keperluan Praktikum tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- i. Permohonan untuk mendapatkan gred **TL** hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) setelah mendapat persetujuan Penyelia Laporan pelajar.
- ii. Permohonan untuk mendapatkan gred **TL** hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas mengakhiri Praktikum.
- iii. Jika gred **TL** ditebus dalam tempoh empat (4) minggu selepas tarikh akhir penyerahan Laporan Praktikum.
- iv. Jika gred **TL** ditebus selepas tamat tempoh empat (4) minggu seperti dalam (iii) di atas, tetapi tidak melebihi empat (4) minggu yang berikutnya, maka pelajar akan menerima gred satu peringkat rendah daripada gred yang layak diterima.
- v. Jika gred **TL** tidak ditebus selepas tempoh lapan (8) minggu yang ditetapkan, gred **F** akan diberikan kepada pelajar tersebut.

(i) **Gred M/TM** akan diberikan kepada pelajar yang mendaftar kursus secara audit.

- i. Kursus berkenaan dikira dalam jumlah beban kerja;

- ii. pelajar masih dikehendaki untuk menduduki semua peperiksaan;
- iii. membuat semua tugas seperti pelajar lain;
- iv. M atau TM (tidak dikira dalam PMK).

(j) **Gred TD** boleh diberikan kepada

- i. Pelajar yang membuat permohonan kepada Penolong Naib Canselor/Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing sebelum berakhir atau pada minggu yang kelima setiap semester. Walau bagaimana pun pelajar boleh membuat permohonan TD selepas minggu kelima hingga berakhirnya minggu yang kelapan dengan dikenakan penalti sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus. Semua permohonan hendaklah didaftarkan di Kolej akademik masing-masing.
- ii. Pelajar yang mendaftar kursus Praktikum tetapi gagal mendapat tempat di mana-mana organisasi dalam tempoh yang ditetapkan. Permohonan hendaklah dibuat melalui Pengarah CUIC.
- iii. Pelajar PJJ dan Intersesi yang mengemukakan permohonan kepada Penolong Naib Canselor/ Dekan Pusat Pengajian Kolej masing-masing dalam masa 24 jam sebelum peperiksaan akhir bermula.

(k) **Gred TT** akan diberi kepada pelajar yang tidak hadir kuliah dan tidak mempunyai markah peperiksaan pertengahan semester tetapi hadir pada peperiksaan akhir.

5.2.2 Penilaian muktamad bagi setiap kursus pada setiap semester yang diperolehi oleh seorang pelajar akan dicatatkan dalam rekod akademiknya.

### 5.3 Skala Pemarkahan

<b>GRED</b>	<b>MARKAH</b>
<b>A+</b>	90 – 100
<b>A</b>	80 – 89
<b>A-</b>	75 – 79
<b>B+</b>	70 – 74
<b>B</b>	65 – 69
<b>B-</b>	60 – 64
<b>C+</b>	55 – 59
<b>C</b>	50 – 54
<b>C-</b>	45 – 49
<b>D+</b>	40 – 44
<b>D</b>	35 – 39
<b>F</b>	00 – 34

- 5.4 Semua matagred yang diperolehi pelajar dalam semua kursus sebagaimana yang dinyatakan dalam 5.2 di atas, akan diambilkira untuk menentukan Purata Matagred Keseluruhan (PMK) dengan menggunakan formula seperti berikut:-

$$PMK = \frac{\sum_{i=1}^n K_i M_i}{\sum_{i=1}^n K_i}$$

dengan **K<sub>i</sub>** = jam kredit bagi kursus **i**, **M<sub>i</sub>** = matagred bagi kursus **i**, dan **n** = bilangan kursus yang telah diikuti.

- 5.5 Lain-Lain Peperiksaan (*Senat Ke-198 Bil. 4/2007 Pada 15 Julai 2007*)

#### Peperiksaan Gantian

##### i. Syarat-syarat Peperiksaan Gantian

- a. Pelajar mestilah mempunyai Sijil Cuti Sakit dari Hospital Kerajaan/Pusat Kesihatan Pelajar. Sekiranya mendapat rawatan di Hospital/Klinik Swasta mestilah mendapat pengesahan daripada Pusat Kesihatan Pelajar/Hospital Kerajaan sahaja.
- b. Hanya satu (1) Sijil Cuti Sakit sahaja yang dibenarkan. Di dalam kes-kes tertentu lebih daripada satu (1) Sijil Cuti Sakit boleh dipertimbangkan. Tempoh sah cuti sakit adalah satu (1) minggu dari tarikh peperiksaan.
- c. Pelajar yang bersalin dalam minggu peperiksaan adalah layak mendapat Cuti Rehat selama 2 minggu dari tarikh peperiksaan.
- d. Pelajar yang kematian saudara terdekat (ibu, bapa, saudara kandung, isteri, suami, anak, dan lain-lain) hanya diberikan 3 hari sahaja tempoh pelepasan untuk semua kaum dan hendaklah disertakan salinan Sijil Kematian saudara tersebut.
- e. Kes-kes mahkamah.
- f. Pelajar yang mempunyai kes-kes lain hendaklah majukan surat/borang permohonan untuk menduduki Peperiksaan Gantian kepada PACE untuk sokongan dan diserahkan kepada Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik bagi mendapat kelulusan untuk melayakkan diri menduduki peperiksaan tersebut.

## 6.0 SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

- 6.1 Taraf Lulus  
Pelajar yang mendapat **PMK 2.00** atau lebih dalam semester berkenaan adalah **LULUS** dan pelajar boleh meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- 6.2 Taraf Lulus Bersyarat  
Pelajar yang bertaraf **LULUS** (mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, jika berkenaan) tetapi mendapat **PMK** kurang daripada **2.00** tetapi tidak kurang daripada **1.50** pada akhir semester berkenaan adalah **LULUS BERSYARAT**. Pelajar akan diberi amaran untuk meningkatkan **PMK**nya supaya mencapai taraf **LULUS** pada semester berikutnya.
- 6.3 Taraf Mengulang Semester  
Pelajar yang bertaraf **LULUS** (mengikut keputusan peperiksaan yang baru lalu, jika berkenaan) tetapi mendapat **PMK** kurang daripada **1.50** dan tidak kurang daripada **1.00** pada akhir semester berkenaan adalah dibenarkan mengulang semester tersebut, tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-
- a) Pelajar bertaraf ini hendaklah diberikan amaran untuk meningkatkan **PMK**nya supaya mencapai taraf **LULUS** pada semester berikutnya;
  - b) Semua kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam semester tersebut akan dimansuhkan dan tidak akan diambil kira dalam **PMK**nya;
  - c) Kursus yang diulang oleh pelajar tidak semestinya kursus yang sama kecuali kursus yang wajib;
  - d) Taraf mengulang diberi hanya satu kali sepanjang tempoh pengajian iaitu pada semester pertama sahaja;
  - e) Semua keputusan akan dicatat dalam rekod akademik pelajar.
- 6.4 Taraf Gagal
- a) Pelajar yang mendapat **PMK** kurang daripada **1.00** dalam mana-mana semester adalah **GAGAL** dan akan diberhentikan dari Universiti.
  - b) Pelajar bertaraf **LULUS BERSYARAT** (mengikut keputusan peperiksaan yang terbaru) yang masih tidak mencapai taraf **LULUS** dengan **PMK 2.00** adalah **GAGAL** dan akan diberhentikan dari Universiti.



- c) Pelajar bertaraf **GAGAL BERHENTI** (mengikut keputusan peperiksaan yang lalu) mencapai PMK 1.90-1.99 dan tidak ada status X (halang) adalah dibenarkan meneruskan pengajian sebagai peluang terakhir dan perlu mencapat PMK 2.00 pada semester berikutnya.
- d) Pelajar bertaraf **GAGAL BERHENTI** (mengikut keputusan peperiksaan yang lalu) tetapi mencapai PMK 1.80-1.89 dan tidak ada status X (halang) dibenarkan membuat rayuan untuk meneruskan pengajian dan wajib mencapai PMK 2.00 pada semester berikutnya.
- e) Pelajar bertaraf **MENGULANG SEMESTER** (mengikut keputusan peperiksaan yang lalu) yang masih tidak mencapai taraf **LULUS** dengan PMK 2.00 adalah **GAGAL** dan akan diberhentikan dari Universiti.
- f) Pelajar bertaraf di perkara (c), (d) dan (e) jika masih gagal mencapai PMK 2.00 akan diberhentikan daripada meneruskan pengajian dan tidak lagi dibenarkan untuk membuat rayuan.

## 7.0 SYARAT LULUS DAN MENDAPATKAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

### 7.1 Syarat Pengijazahan

Seorang pelajar boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian jika telah memenuhi syarat-syarat berikut:-

- g) Memenuhi semua kehendak syarat seperti di para 4.0;
- h) Telah mencapai PMK sekurang-kurangnya 2.00 hingga 4.00;
- i) Telah mencapai PMK sekurang-kurangnya 2.00 hingga 4.00 bagi kursus Teras Program.
- j) Lulus dan mencapai sekurang-kurangnya matagred 2.00 bagi semua kursus yang diambil kecuali kursus yang diambil secara Audit.
- k) **Bagi pelajar program PJJ semua pelajar hendaklah memastikan mendapat Kepujian bagi mata pelajaran Bahasa Melayu diperingkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta mengambil Malaysian University English Test (MUET) dengan mendapat keputusan sekurang-kurangnya Band 2 (bagi program BPM,BCOMM dan BMA) dan Band 3 (bagi program BBA dan BIFB)**

- 7.2 Kelas Kepujian  
Kelas-kelas yang dianugerahkan adalah seperti berikut:-

<b>Kelas</b>	<b>Kriteria</b>
Pertama	- PMK: 3.67-4.00
Kedua Atas	- PMK: 3.00-3.66
Kedua Bawah	- PMK: 2.00-2.99

## **8.0 PERUNTUKAN AM**

### 8.1 Penangguhan Pendaftaran Semester

- a) Seorang pelajar boleh dibenarkan menangguh mana-mana semester jika menghadapi gangguan kesihatan untuk tempoh yang agak lama. Perakuan daripada doktor yang diperakui oleh Universiti atau pihak lain yang sah adalah diperlukan. Tempoh penangguhan pendaftaran yang dibenarkan kepada seorang pelajar yang sakit tidak akan diambil kira dalam tempoh maksimum yang dibenarkan untuk mendapat ijazah. Walau bagaimanapun, jumlah tempoh yang dibenarkan ini tidak melebihi tiga (3) semester. Bagi pelajar yang mengikuti program secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), tempoh penangguhan yang dibenarkan ialah tidak melebihi enam (6) semester sepanjang pengajian. Pelajar perlu membuat permohonan kepada Universiti bagi setiap semester yang ingin ditangguh.
- b) Seorang pelajar boleh dibenarkan menangguh mana-mana semester kerana apa juga sebab selain daripada sakit/masalah kesihatan dengan persetujuan pihak penaja, dan tempoh yang diluluskan itu akan diambil kira dalam tempoh maksimum yang dibenarkan untuk mendapatkan ijazah. Permohonan boleh dibuat sebelum berakhir minggu ke-15.
- c) Pelajar yang diberi penangguhan pendaftaran akan hilang taraf sebagai pelajar Universiti. Oleh yang demikian, pelajar itu tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan Universiti sehingga ia mendaftar semula.

### 8.2 Halangan

- a) Seorang pelajar akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir sekiranya tidak menghadiri sekurang-kurangnya **80%** daripada jumlah kuliah dan tutorial;
- b) Seorang pelajar akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir sekiranya lewat lebih daripada **tiga puluh (30) minit** memasuki Dewan Peperiksaan tanpa sebab yang munasabah. **Gred F** akan diberikan kepada pelajar berkenaan;
- c) Seorang pelajar akan dihalang daripada menerima keputusan peperiksaan rasmi pada akhir setiap semester sehingga ia

menjelaskan kepada Universiti segala bayaran yuran dan bayaran lain yang diperlukan;

- d) Seorang pelajar boleh dihalang daripada mendaftar untuk semester berikutnya jika dia tidak menjelaskan mana-mana bayaran yang diperlukan kepada Universiti.

8.3 Pelajar yang tidak mendaftar kursus selepas minggu kedua pada setiap semester akan digugurkan dari senarai nama pelajar berdaftar UUM.

## **9.0 KUASA SENAT**

Senat boleh mengecualikan apa-apa syarat yang terkandung di dalam peraturan ini.

*Maklumat adalah benar pada masa buku ini dicetak.  
Universiti berhak membuat apa-apa pindaan sekiranya perlu tanpa membuat pengumuman terlebih dahulu.*